



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 25 BILANGAN 27

RABU 2HB JULAI, 1980.

1400 رابو 18 شعبان 1400

PERCHUMA

GENAP LIMA TAHUN USIA TV

Manis-nya Iman

"BUKAN-LAH dari golongan kita barang-siapa yang tidak menaruh belas kasehan kepada kanak-kanak kita dan tidak tahu menghormati orang tua2 kita" — Hadith Nabi riwayat Abu Daud dan At-Tarmizi daripada 'Amru bin Shu'aib.

SATU detik sejarah penting bagi Talivishen Brunei. Berlaku pada 9hb Julai, 1975, punat di-tekan, lampu menyala dan sa-iring dengan itu kaca TV tertayang filem. Maka dari sa'at itu, bermula-lah perkhidmatan TV berwarna sa-penoh-nya di-Negara Brunei yang merupakan negara yang pertama di-rantau ini mengadakan perkhidmatan TV warna-warni sa-penoh-nya pada sa-tiap pancharan-nya saban hari.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan merasmikan pemancaran TV Brunei berwarna pada sa'at itu (gambar kanan) sambil menzahirkan perasaan girang Baginda di-sertai dengan hadapan yang penuh dengan TB Brunei akan benar2 merupa-

kan satu alat penghubung antara rakyat dengan Kerajaan dengan lebih berkesan dan memuaskan. Ia-nya di-titahkan Baginda akan dapat membuat usaha2 untuk memberi gambaran2 yang jelas berhubung dengan perkembangan dan kemajuan negara di-berbagai bidang.

Pada 9hb Julai depan, maka genap-lah usia TV Brunei kelima tahun dan di-sepanjang perkhidmatan lima tahun itu ia telah banyak membuahkan hasil yang agak memuaskan dalam usia-nya yang masih muda itu.

Minggu depan, tepat dengan tarikh 9hb Julai itu, Pelita Brunei akan chuba mengadakan keluaran khas bagi memperingati genap-nya lima tahun TV Brunei ditubuhkan.



KURSUS Pengenalan bagi siswazah2 yang baru berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah DYMM telah berakhir pada hari Sabtu lalu dengan satu majlis penyampaian sijil kepada peserta2 kursus.

Sijil2 tersebut telah disampaikan oleh Setia Usaha Kerajaan, YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

Gambar kiri menunjukkan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menyampaikan sijil kepada Awang Ibrahim bin Ismail, Pegawai Pentadbir di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan.

Kursus sa-lama lima hari itu di-anjurkan oleh Yunit Latihan Perjawatan dan dihadiri oleh 16 orang siswazah termasuk lapan orang perempuan. (Lihat muka 9).

Pos Polis Kg. Sukang di-rasmi

KAMPONG SUKANG. — Pos Polis yang baru di-Kampung Sukang, Ulu Belait telah di-buka dengan rasmi-nya pada hari Rabu 25hb Jun yang lalu.

Perasmian-nya di-lakukan oleh Penolong Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Hj Apong.

Dalam sabda-nya yang ringkas, Yang Amat Mulia menyeru penduduk2 di-Kampung Sukang supaya bekerjasama dengan Polis dan jangan teragak2 untuk memberikan bantuan kepada pasukan itu.

Kerana, sabda-nya lagi bahawa tujuan di-dirikan Pos Polis tersebut adalah semata-mata untuk menjaga keselamatan dan keamanan penduduk2 kampung di-sana dan sekitarnya.

Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara menambah sabda, di-samping

itu ia-nya juga bertujuan untuk memberikan kesempatan kepada penduduk2 kampung supaya akan dapat berhubung dengan pihak Polis bagi mengatasi sa-barang masalah yang berlaku di-kampung itu.

Pos Polis Kampung Sukang itu menelan belanja lebih daripada sa-ratus ribu ringgit dan ia-nya di-lengkapkan dengan alat2 perhubungan seperti radio dan lain2 kemudahan.

Hadhir sama di-upachara itu termasuk-lah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idris ibni Almarhum Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohammad; Pegawai Pemerintah Polis Daerah Belait, Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei, pegawai2 kanan Polis serta penduduk2 Kampung Sukang. — J.I.



YANG Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar memotong pita sa-bagai menandakan perasmian Pos Polis Kampung Sukang sambil di-perhatikan oleh YB Malai Haji Mashore dan Pegawai Pemerintah Polis Daerah, Dato Setia Ya'akub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Haji Zainal.

Tugas2 Polis bukan sa-takat masa dalam beruniform sahaja

JALAN MUARA. — Tugas sa-bagai sa-orang anggota Polis bukan-lah sa-takat dalam masa beruniform sahaja tetapi apa yang penting ia-lah memata-matai keamanan, ketenteraman masyarakat dan alam sekitar dengan rasa bertanggung-jawab.

Oleh: JAAFAR IBRAHIM

tanggung-jawab dan berbudi pekerti dalam menjalankan tugas sa-hari2-an.

Demikian telah di-tegaskan oleh Dr Hj Husin bin Hj Daud, Pegawai Perubatan Kanan, ketika berucap di-upachara ta-

Lihat muka 20

P.A.P. Hajjah Nor'ain selamat melahirkan sa-orang Puteri

MENJUNJONG sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, dengan amat sukachita di-umumkan bahawa Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain, isteri kepada Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohammad Yusof dengan izin Allah telah selamat melahirkan

sa-orang Puteri pada 28hb Jun, 1980 jam 1.00 pagi, yang menjadi chuchunda kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin.

Dan sifatkan-lah tugas sa-orang Polis sa-bagai rukun dalam hidup sa-hari2an samada dalam keadaan beruniform mahupun tidak dengan penoh kebijaksanaan dan disiplin.

Di-samping itu anggota2 Polis juga mesti-lah menunjukkan satu imej kemasyarakatan yang ber-



Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHAR
RASMI
NEGARA
BRUNEI

2HB JULAI, 1980

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

DARI SUNGUTAN PENIAGA2 MELAYU

MAKA timbul-nya salah satu di-antara beberapa latar-belakang yang menjadi sebab mengapa orang2 Melayu, tegas-nya peniaga2 Melayu begitu lambat sekali mencapai tahap kemajuan yang dikehendaki di-bidang perniagaan atau perusahaan. Sebab-musabab ini mungkin merupakan satu rahsia yang agak lama sudah terpendam, tetapi akhir-nya meletus jua dan di-ketengahkan kepada pihak yang berwajib.

Chuba kita bacha sa-baik mungkin akan kandungan ucapan dari Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Awang Selamat bin Munap yang sa-chara tegas menerangkan akan kedudukan perjumpaan-nya dengan beberapa orang bakal peniaga2 dan peniaga2 kecil yang terdiri daripada orang Melayu yang telah menghadapkan tentang masaalah2 perdagangan mereka. Dalam perjumpaan ini, maka tersebutlah kesah bagaimana mereka telah berkali2 menhuba memasoki tawaran2 sharikat2 swasta yang terkenal di-negeri ini dan betapa kechewa mereka apabila tiap2 kali juga tawaran2 mereka itu di-tewaskan oleh orang2 bukan Melayu. Bila peniaga2 Melayu ini di-tewaskan oleh peniaga2 bukan Melayu ada-lah perkara biasa bahawa kelohan akan timbul, malah ekoran daripada-nya sudah barang tentu meletus-lah jua perkataan2 dari dorongan perasaan terlalu marah dan dari sini kedengaran-lah dakwaan bahawa sharikat2 swasta itu "melihat muka".

Bila soal "melihat muka" ini di-timbulkan, maka suatu pengakuan di-berikan kepada mereka yang menjelaskan bahawa "melihat muka" itu pada hakikat-nya ada-lah adat dunia perdagangan. Mengapa soal melihat muka ini mesti ada dalam dunia perdagangan? Kedudukan-nya, kita kira, "muka" itu bukan-lah "mua" atau wajah orang, tetapi muka atau wajah yang di-maksudkan itu, kita kira ia-lah kedudukan penyelenggaraan sa-suatu kerja itu. Umpama-nya seperti yang di-terangkan oleh Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi itu ia-lah service atau layanan; kualiti atau mutu barang2 dan mutu perkhidmatan mesti-lah sebanding dengan saingan2 peniaga bukan Melayu itu dan untuk ini-lah mengkehendaki capabiliti2 atau keupayaan2. Ini-lah tulang belakang yang menjadi teras untuk mendudukkan diri orang2 kita itu supaya sa-saing dengan bukan Melayu itu. Pechahan dari capabiliti atau keupayaan itu ada-lah menchakopi kepada aspek2 lain yang amat penting untuk dunia perdagangan ia itu seperti aspek2 teknikal, kewangan dan pengurusan.

Butir2 yang di-ketengahkan di-atas ini semoga tidak akan di-salah tafsirkan seperti menudoh saranan2 di-atas sa-bagai "melemahkan" atau "kurang percaya kepada sa-sama kita". Kita mengketengahkan hal ini, bukan sa-mata2 di-dasarkan kepada penjelasan2 yang di-berikan oleh Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi itu, tetapi di-dasarkan kepada apa yang berlaku terutama dari segi kesanggupan kita yang tidak chukop kalau hanya kesanggupan itu merupakan satu ucapan biasa sedang apa yang di-sebalek-nya untuk mendukung kesanggupan yang kita ucapkan itu tidak menchukopi.

Apa yang jelas dan harus di-sedari oleh orang2 kita sekarang ini ia-lah membuktikan yang kita memiliki apa yang di-perlukan atas nama peniaga, pengusaha, pemborong, pengilang, pedagang dan sa-umpama-nya. Kita akui bahawa memang sudah semakin membesar orang2 kita yang berkeinginan di-bidang2 seperti ini, malah ada yang sudah bergerak. Tetapi kalau hanya bergerak begitu2 saja, sedangkan kekurangan2 yang sepatut-nya sudah terisi maseh belum tertunaikan. Tidak kurang juga di-antara kita mahu yang lebih besar sedang dokongan2 untuk sampai kepada yang lebih besar itu ada yang menyedari-nya tidak begitu pasti. Bila ini berlaku, maka ia lebih terdedah kepada membahayakan diri dan soal ini tidak harus di-gantungkan kepada nasib, kerana yang pasti-nya ia-lah suatu perancangan yang konkret.

SA-HINGGA sekarang orang2 kita di-katakan pandai mengambil sukut sempena. Tentu-nya yang baik2 dan yang berkat belaka.

Berkahwin-kahwinan sa-ja mithal-nya, di-pileh-lah hari-nya dan bulan-nya. Sukut hari yang baik dengan sempena bulan yang berkat selalu di-semptat-semptati sampaikan padat.

Chuma sa-tengah-nya, kepandaian itu sa-takat mengambil sukut saja manakala tidak pula kelihatan tanda2 tahu menghargakan berkat-nya.

Ambil saja sa-bagai mithal: Malam pengantin masuk berbedak atau membacha nikah — dengan apa orang kita menyempenakan-nya?

Berdikir dan marhaban! Sempena-nya tentu-lah bersukut baik bagi apa yang di-katakan mengambil berkat Nabi. Sekurang2-nya begitu-lah kata kita.

Dan sekurang2-nya berkat jua-lah hendak-nya. Begitu-lah harapan kita.

Aneh-nya (ya aneh-nya!) belum pun selesai pengantin di-chuleki untuk mengambil berkat retak tangan sa-orang—sa-orang yang di-hajati; rupa-nya di-luar atau di-bawah rumah sudah ada dengan sempena lain.

Ada orang bersiap—bertunggu untuk mengambil sukut musik dan nyanyi!

O.K.! Konon-nya bagi memeriahkan suasana berjaga-jaga, apa-tah lagi untuk habuan orang2 muda yang penat2 berusah.

Jadi, mana satu sebenarnya yang di-hajati: sukut baik sempena berkat-kah atau sukut meriah semata2 sempena bersuka2?

Yang jelas-nya, berkahwin-kahwinan itu di-pileh hari dan bulan-nya yang bersempena sa-hinggakan hujung2 minggu-nya sebok padat di-semptat-semptati.

Tapi dengan sampok bersampok sempena-nya itu maka ada pula orang berkata: yang di-pileh bukan lagi mesti sukut baik dan sempena berberkat sebab sukut baik dan sempena berberkat itu sudah bertukar chorak-nya menjadi sa-akan2 hari lapang dan bulan yang senang...

PADA HEMAT SAYA....

Dalam mengambil sukut

(ma'af, sebut saja-lah sendirian!)

DALAM ORANG sebok menyempati sukut sempena untuk berkahwin kahwinan ini sempat saya dengar orang berbual2.

— Inda lagi batah puasa.

— Auu... ganya tinggal berapa hari saja lagi.

— Inda karasahan.

— Bukan inda karasahan.

— Apa tah?

— Karasahan atu karasahan jua, ganya laju...

— Laju?

— Auu... babubut-bubutan.

— Adeh! Siapa membubut, siapa di-bubut?

— Anu kitani bah!

— Anu kitani apa?

Semua yang mendengar kelihatan menahan ketawa masing2. Saya tinggal senyum, tidak menjangka ka-mana hujung-nya perbualan itu.

— Anu kitani apa?

— Umor, karaja, hutang...

— Adeh! Macham mana pulang kian miatu?

— Nah... atu tah nama-nya kita atu inda barapa baina kan diri.

— Adeh!

— Umor kitani membubut karaja kitani. Karaja kitani membubut umur kitani.

Dalam babubut-bubutan atu inda karasahan ada yang jadi hutang...

— Hutang apa, ka-si-apa?

— Nanti dulu!

Mendengar kata-bual sademikian itu ada yang tidak lagi dapat menahan ketawa-nya, lalu suasana jadi 'ringsak' sa-bentar.

— Adeh... Apa tah?

— Umor dan karaja kitani atu sama2 babubut-bubutan. Inda tah di-ketahui mana

satu yang akan sampai dahulu. Kadang2 umur, kadang2 karaja. Tapi kadua2-nya atu jarang kan sama2 sampai sa-rantak. Nah... waktu inda sa-rantak sampai atu tah hutang pulang turut-turutan mambubut.

— Macham atu kian? Tapi hutang apa dan ka-siapa?

Saya sudah mula dapat menangkap akan ka-mana hujung perbualan itu. Orang yang mendengar kelihatan menaruh minat benar.

— Nah... bila umur sampai dahulu maka karaja pun inda salasai. Bila inda salasai ia pun jadi hutang!

— Macham atu, kufikir antadi hutang lain, rupa-nya hutang karaja. Mun miatu inda jua kan talampau mambubut, biar tia orang lain yang ba-umor menyudahkan.

— Auu... kalau karaja bahaum-aum dapat jua orang lain di-minta miatu, ani karaja sandiri tantu tah jadi hutang sandiri.

— Karaja sandiri macham mana?

— Miani nah! Salasai semua sambahyang ta? Ganap semua puasan ta?

— Au ah...! Ani barapa hari lagi tinggal kan masuk tia puasa baharu, baik masa sempat?

— Kalau inda kan di-bubut hutang sempat sampai tia...

Kelihatan-nya sa-bahagian yang tadi-nya menaruh minat seperti hilang minat. Mungkin ada di-antara-nya merasa di-bubut hutang.

— Banar tah nyangku antadi atu, laju sampai inda karasahan...

— Umor yang kitani yang laju atu, bukan karaja kitani, sabab tu tah kalau lalai in-

da sadar kan umur, kitani mudah bautang karaja.

Saya tersenyum. Nam-pak-nya kadua2 yang berbual2 itu seperti sengaja mengot chara masing2 di-tambah lagi dengan gaya dan gelagat mereka. Sa-orang kelihatan-nya berlagak seperti dundu sedang yang sa-orang lagi sa-olah2 si-cherdek dalam cherita2 Sang Kancil. Tapi dundu — cherdek mereka itu berjaya di-gayakan sa-chara yang terlalu sederhana.

MASEH JUGA dalam konteks berkahwin kahwinan itu tadi. Tahun ini jangkanya bilangan orang2 berkahwin melebihi bilangan tahun2 sa-belum-nya. Di-sana sini, bahkan dalam sa-kampung pun ada yang sampai sa-rantak hari-nya. Bukan berselang bulan, hampir dapat di-katakan chuma berselang minggu.

Sebab itu, dari awal tahun sa-hingga-lah ka-pertengahan tahun ini hampir sa-tiap hujung minggu kita ingankan jemputan kahwin. Ada yang sampai dua tiga sa-rantak.

Bagaimana pun, bulan puasa nanti tentu-lah bertanggoh. Atau sa-lepas hari raya nanti mungkin ranchak-nya tidak-lah sa-berapa.

Tapi jangan lupa, kita akan maseh juga gagau dengan majlis-majlis. Lepas hari raya, dapat di-jangkakan, kita akan mula gagaukan orang naik haji. Dan sa-panjang musim haji itu kita akan gagau pula dengan sembahyang2 hajat untuk mereka. sampai-lah mereka selamat kembali ka-tanah ayer. Lepas itu di-ikuti pula dengan majlis keshukoran dan selamat. Dan lepas itu masuk pula bulan Muharam di-mana di-jangkakan majlis-majlis lain akan bermula pula.

Sampai ada orang berfikir: Bila-lah masa-nya kita ini 'bebas' dari kesibokan2 yang menggagaukan itu?

Tapi saya berfikir lain pula: Untuk apa kita perlu bebas dari kegagauan itu kalau itu memang-nya dalam lengkongan 'nature' sa-bagai masyarakat yang sehat dengan kemanisan berkaum keluarga dan bersahabat handai?

Barangkali yang di-persoalkan ia-lah masa dan nyawa!

Maka jika itu pun saya maseh boleh menjawab: Allah saja-lah yang maha tahu bagaimana mungkin kita dapat membahagi2kan masa dan nyawa dalam bersebok2 dan bergagau2 begitu... — Ketua Pegawai Penerangan.

"Allah saja-lah yang maha tahu bagaimana mungkin kita dapat membahagi2kan masa dan nyawa dalam bersebok2 begitu...."

LONDON UNIVERSITY GCE EXAMS

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Education Department is making arrangements to hold the General Certificate of Education Examinations in various subjects at advanced and ordinary levels.

The exams are scheduled to be held in January, 1981.

Candidates who wish to sit for the 'O' level subjects, must have passed the exams of Brunei Junior Certificate of Education or the equivalent.

And those for 'A' level

subjects, must have passed at least 3 subjects at GCE 'O' level at one sitting or any other exams of equivalent.

These qualifications must have been obtained in at least two years before the exams.

Alternatively, they must produce evidences of their recent studies or must be recommended by the principals of their schools or the supervisors of Adult Education at the SOAS College here, Perdana Wazir English School, Kuala Belait or Anthony Abell College, Seria.

Application forms are available from the office of the Board of Examinations here.

And the exam fees should be paid to the Board of Examinations here, and not the University of London.

All the completed forms, fees and documents must reach the above office not later than August 7. Otherwise, they will not be accepted.

Postal agent

BANDAR SERI BEGAWAN. — Another postal agent was appointed by the Postal Services Department yesterday.

He is Awang Hj Abd Rahman bin Bringin, at No. 11 B, Kg Batang Perhantian, Limau Manis.

He undertakes the sale of postage stamps, aerogrammes, stamp-booklets and so forth.

He also accepts registered articles.

And mail deliveries for this area will also be done over the agent's counter.

Traffic at two junctions improved

BANDAR SERI BEGAWAN. — The traffic at the junction near the General Hospital here has been considerably improved.

This is because the officials of the Land Transport and Public Works Department have made the improvements to the traffic lights at the area.

There are now two lanes to carry traffic from here to Kumbang Pasang, Berakas and Muara areas.

Traffic to Jalan Tutong travels along single lane but is not controlled by the traffic lights.

Instead Jalan Sumbiling is closed to traffic towards Jalan Kumbang Pasang and now only provides a left turn towards Jalan Tutong.

Traffic into here from Jalan Tutong is carried on two lanes, and a slip road has been built to carry traffic from Jalan Tutong towards Jalan Kumbang Pasang.

Meanwhile, to smoothen the flow of traffic from Jalan

Berakas towards Bandar Seri Begawan area, Jalan Sekolah, have been made three lanes.

The right and the middle lanes are for traffic approaching to Bandar Seri Begawan. For motorists who intend to go to PWD workshop, are advised to use the middle lane.

The left lane is for traffic going to Jalan Kebangsaan or turn left into Jalan Dato Marshal.

The left lane along Jalan Tasek is for traffic from Jalan Kebangsaan towards Bandar Seri Begawan.

Two maps are published in the Malay version on page 9.



DATO Paduka Awang Abidin presents a prize to the overall best recruit, Ak Haji Ali bin Pg Haji Tuah.

New Exchange for Muara Area

BANDAR SERI BEGAWAN. — The new Telephone Exchange which has been installed to serve the Muara Area will be put into service at 11.30 am on Friday, 4th July, 1980.

At this time, all present Muara telephone numbers will be changed to Bandar Seri Begawan telephone numbers in accordance with the following rule:—

Three digit Muara telephone numbers become 5 digit Bandar Seri Begawan telephone numbers by prefixing the existing Muara number by '72'.

e.g. Old Muara Telephone Number ... MUA 200 changes to the New Bandar Seri Begawan Telephone Number ... BSB 72 200.

Dialling Codes for access to the new Bandar Seri Begawan telephone numbers serving the Muara Area will be as for Bandar Seri Begawan itself.

These codes are shown on Page 7 of the 1980 Telephone Directory. This Directory also gives the new Bandar Seri Begawan telephone numbers of former Muara subscribers.

General meeting

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Ex-Overseas Students' Club will hold its general meeting on July 4 at 2 pm.

The meeting will take place at the Youth Centre in the conference room of the Brunei Youth Council here.

PASSING-OUT PARADE

BERAKAS. — A passing out parade was held last Friday at the Bolkiah Camp here for the latest intake of the Royal Brunei Malay Regiment.

Dato Paduka Awang Abidin bin Abdul Rashid, the Controller of Immigration, being the guest of honour, inspected a guard of honour and took the salute at the ceremony.

Those present included the Commanding Officer of the regiment, Brigadier Cameron and its senior officers.

The outstanding recruits received prizes from Dato Paduka Awang Abidin, who also presented long service and good conduct medals to four soldiers who have served with the regiment for 18 years.

These 40 recruits have lately completed a 25-week training which included conventional and jungle warfare.

Meanwhile, Dr Hj Husin bin Hj Md Daud, the Senior Medical Officer, also inspected a guard of honour and received the salute at a passing out parade for about 31 police

recruits at the Police Training Centre in Jalan Muara on Saturday morning.

He also presented prizes to distinguished policemen.

Among those present at the ceremony were about 200 cops.

Information Services to be improved

GADONG. — The Chief Information Officer Awg Hj Badaruddin bin Pengarah Hj Othman gave a lecture to trainees at the Sultan Hassanah Bolkiah Teachers' Training College here last week.

He said the authority concerned is adopting new measures to improve the services of the Information Section of the State Secretariat.

These will include better organization of civic courses for community leaders so that there will be a feedback which in turn can help solve problems.

He added, his section needs local qualified and conscientious people to fill several vacancies.

These trainee teachers, 93 girls and 70 boys, are the latest intakes.

Accompanied by their parents and guardians, they finished the formalities of registration for three-year course.

Earlier, the college officials had briefed them and introduced them to the staff.

In the following day, the freshies began seven

DON'T EAT "KUPANG"

BANDAR SERI BEGAWAN. — Public are warned against eating "Kupangs"—bivalve molluscs, because they are likely to be contaminated by the red tide toxin hazardous to health.

The warning was issued by the Fisheries and Health authorities last week.

Until last week, there were still some people who tried to sell the "Kupangs" in the market, and there is evidence that they are being eaten by some residents in the remote villages.

The authorities also warned that a product known as "Budus" made of "Kupangs" is also unsafe because the toxin in the molluscs cannot be destroyed in the process of manufacture.

Members of public are advised to refrain from eating any forms of molluscs until further notice by the authorities concerned as the planktonic organism causing the red tide and containing toxin is still widespread in the Brunei Bay.

RBA revises air fares

BANDAR SERI BEGAWAN. — Air fares on routes between Brunei and Singapore, Manila and Thailand have been revised.

They took effect from yesterday, and tickets issued after June 20 for travel on or after July 1 are at the new rates.

A spokesman for the Royal Brunei Airlines said passengers holding tickets and confirmed reservations issued on or before July 20 may travel at the old fares up to and including July 10.

The new fares between Brunei and Singapore are now \$378 for first class one way, \$280 for economy class one way, \$448 for 7-30 day excursion round trip and \$336 for weekend excursion round trip.

The fares between Brunei and Manila are revised to \$564 for first class one way, \$430 for economy class one way, while 30 day excursion round trip is \$648 and 4 day excursion round trip is \$472.

The new fares between Brunei and Bangkok are \$700 for the first class one way, \$492 for economy class one way and \$636 for 4 to 20 day excursion round trip.

MBB representative attends meeting

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Haji Junaidi bin OKSN Hj Md Safar, one of the committee members of the Brunei State Youth Council (MBB), flew to Kuala Lumpur on Thursday to attend a meeting on Islam.

Awang Hj Junaidi who is also the Assistant Information Officer, was the only representative of the council.

The conference held from June 27 to 30 was organized by the International Islamic Federation of Student Orga-

nisations, and run by the World Assembly of Muslim Youth for Asia and Pacific regions.

The theme of the meeting was "The role of Muslim students in building the contemporary Islamic Movement".

PERANAN AN-NAKHAIE

ILMU pengetahuan mereka (ulama2 yang berada di-Kufah) telah di-ambil dan di-himpunkan oleh Ibrahim bin Yazid yang lebih di-kenali dengan nama "An-Nakhaie" ia-itu guru kapada Al-Imam Abu Hanifah. Pendapat Ibrahim An-Nakhaie itu pula telah di-himpunkan oleh Al-Imam Abu Yussuf dan Al-Imam Muhammad bin Al-Hassan dalam kitab mereka masing2. Kedua2 mereka ini ada-lah murid Imam Abu Hanifah, bagaimana di-tulis dan di-susun dalam Musannaf Abi Shaibah dan lain2 kitab lagi.

Ulama2 Hadith yang terkemuka yang mempunyai kebolehan menapis dan menganalisa berkata bahawa Hadith2 Mursal An-Nakhaie itu ada-lah sahih, Ash-Sha'bi pula mengutamakan Mursal Ibrahim An-Nakhaie itu dari lain2 mursal yang datang daripada ulama negeri2 Islam.

PERANAN ASH-SHA'BI

Tentang Ash-Sha'bi ini telah di-sebutkan oleh Syedina Umar ia-itu ketika Syedina Umar melihat dia mencheritakan hal peperangan di-zaman Rasulullah, Syedina Umar mengakui dengan mengatakan bahawa: "Dia (Ash-Sha'bi) lebih hafaz dari saya, sekali pun saya turut menyertai segala peperangan bersama2 Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam)."

Tentang berkembang-nya ilmu pengetahuan di-Kufah, Anas bin Sirin mengatakan: "Sa-masa saya masuk negeri Kufah, saya dapati di-situ ada 4,000 orang menuntut ilmu Hadith, dan 400 orang pula telah menjadi 'Alim dalam ilmu Feqah (sa-bagaimana yang tersebut dalam Al-Fasil karangan Al-Imam Ar-Ramahurmuzi)".

PERANAN IMAM ABU HANIFAH

Kemudian datang Al-Imam Abu Hanifah menghimpunkan ilmu2 mereka (ulama2 Kufah itu). Al-Imam Abu Hanifah telah membukukan ilmu2 itu setelah di-bahathkan-nya tiap2 masaalah dengan pengikut2-nya yang handal dalam suatu majlis ilmu Feqah yang terdiri dari 40 orang dari anak2 murid-nya yang bijak dalam ilmu Feqah, ilmu Hadith, ilmu Al-Kor'an dan ilmu Bahasa Arab (sa-bagaimana di-cheritakan oleh Al-Imam At-Tahawi).

Memuji akan usaha Imam Abu Hanifah, lalu Muhammad bin Ishak An-Nadim sa-orang ulama bukan dari mazhab Hanafi mengatakan: "Bahawa ilmu itu di-darat dan dilaut, di-Timor mahu pun

di-Barat, jauh dan dekat bahkan semua ilmu yang telah di-bukukan, ada-lah datang daripada Al-Imam Abu Hanifah".

Berkata Al-Imam Ash-Shafie: "Bahawa manusia berhutang budi dalam ilmu Feqah kapada Al-Imam Abu Hanifah. Di-tangan anak2 murid bagi anak2 murid Imam Abu Hanifah (dua jenerasi) ilmu Feqah itu telah masak ranum, tiada tempat lagi bagi orang yang hendak menyampok dalam ilmu Feqah istimewa-nya orang2 sekarang yang menonjolkan kepala-nya."

PERANAN IMAM ASH-SHAFIE

Kemudian datang Al-Imam Ash-Shafie (Radhiallahu 'Anhu), ia menyusun pula kitab-nya dan banyak mengambil dari dua sumber ini (Al-Imam2 Abu Hanifah dan Al-Imam Malik). Ia menokok tambah apa yang telah di-perolehi-nya daripada guru-nya penduduk Mekah seperti Muslim bin Khalid (anak murid kapada Ibnu Juraij, dan Ibnu Juraij itu pula anak murid kapada 'Ata yang belajar daripada Syedina Ibnu Abbas (Radhiallahu 'Anhuma).

Murid2 dan pengikut Al-Imam Ash-Shafie dan anak2 murid mereka telah memenohkan negeri Iraq dan Khurasan (di-sebelah Parsi) dan Mesir dengan ilmu pengetahuan yang berpuncha atau di-churahkan oleh Al-Imam Ash-Shafie. Penduduk Mesir lebih mengetahui akan il-

mu Imam Shafie kerana Imam Shafie dudok di-Mesir pada akhir2 hayat-nya. Di-Mesir-lah juga ia menyiarkan Mazhab-nya yang baharu dan di-sana-lah juga wafat-nya.

Tiada-lah kita dapat menyebut satu persatu di-sini akan lain2 ulama besar dalam ilmu Feqah dan yang mengembangkan-nya. Pendek-nya semua mereka bersetuju (sa-muafakat) dalam kira2 'dua pertiga' dari masaalah2 Feqah sementara baki-nya yang 'satu pertiga' lagi itu ia-lah tempat berlaga pendapat2 mereka dan berhujjah. Pendapat2 mereka itu telah di-bukukan dalam kita2 Feqah sa-bagaimana yang telah di-ketahui oleh orang2 Islam.

KEMAS DAN TERSUSUN

Nyata-lah bahawa mazhab Feqah dalam Islam telah begitu kemas disusun. Sunggoh pun begitu ada juga kita dapati setengah2 orang di-zaman sekarang ini (akhir zaman) hendak mengajak supaya di-buang mazhab Feqah yang ada itu dengan membuat suatu ijihad baharu untuk menggantikan mazhab2 feqah yang ada itu (Mazhab Hambali, Maliki dan Shafie). Banyak orang2 bodoh sekarang mendakwa telah membuat ijihad dan hendak meninggalkan mazhab feqah yang ada lalu mengajak orang ramai jangan memakai mazhab feqah, pada hal ia sendiri tiada mempunyai

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Ashar dan U. Cairo, Mufti

MAZHAB DAN ILMU ISLAM (II)

Siri ke-39

apa2 dasar yang di-pegang-nya sa-lain dari hendak menchari kemegahan.

Persoalan yang timbul: Apa-kah yang patut dinamakan orang2 yang hendak membuang mazhab2 feqah Islam itu yang merasakan mazhab2 Feqah Islam itu tiada berguna? bagi orang ini sayugia-lah ia membacha kitab "Al-Faqh Wal-Mutafaqqh" yang di-karang oleh Al-Hafiz Al-Khatib Al-Bagh-dadi yang meninggal pada tahun 1462 Hijrah. Buku tersebut menerangkan ke-lebihan ilmu Feqah dan ulama2 Feqah serta chara2 belajar ilmu Feqah.

SIKAP YANG MENGELIRUKAN

Al-Allamah Al-Kauthari mengatakan: "Bahawa orang yang membuang mazhab Feqah ada-lah termasuk di-antara orang2 yang patut di-siasat otak-nya oleh doktor2, sa-belum kita meneliti ijihad mereka yang mereka sangka bahawa ijihad mereka itu layak dan dapat merobohkan segala ijihad ulama Islam yang dahulu. Jika di-takdirkan orang itu akal-nya waras, boleh jadi pula ia orang subersif atau tali barut musoh2 Islam yang bertujuan untuk memecah-belahkan umat Islam dalam dunia dan ugama mereka sedikit demi sedikit, sa-telah penganut2 mazhab yang empat yang ada sekarang hidup dengan aman dari semenjak awal2 Islam lagi".

Orang2 Islam yang berakal dan tenang tiada-lah akan terpedaya dengan pe-

rupaganda daripada orang2 yang hendak membuang mazhab Feqah Islam itu, kerana tiada-lah patut kita lari daripada ulama2 besar yang di-panggil dengan "Aimmatud-Din" yang telah mengawal ugama Islam, tauhid-nya dan feqah-nya (asal dan furu'-nya) dari zaman Tabi'in sa-hinggalah hari ini, sa-bagaimana mereka telah mewarisi dan mengambil ilmu pengetahuan Islam dari Nabi kita (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) dan dari sahabat2 (Radhiallahu 'Anhum).

MENGKAJI FITNAH

Apabila kita mendengar ada orang2 yang hendak menchachai dan menchachi salah satu mazhab dari mazhab2 Islam, patut-lah kita kaji dan selideki dari mana datang-nya fikiran yang jahat itu, dan kama-na tujuan fitnah itu di-arahkan. Perbuatan yang jahat itu tiada-lah saharus-nya terbit daripada orang2 Islam yang tulus yang telah mengaji betul2 ilmu2 Islam. Boleh jadi fitnah itu terbit daripada orang yang mengaku Islam yang menyelam dalam ayer yang tenang di-antara ulama Islam, mereka mengaji sa-tengah2 masaalah dari ilmu2 Islam dengan tujuan untuk membolehkan mereka berkhidmat bagi pehak2 yang mengarahkan mereka. Sekali lagi saya tegaskan bahawa orang2 Islam yang mengetahui akan hal ini patut-lah bertindak mem-bersihkan orang itu dari kalangan umat Islam kerana ia boleh merosakkan dan mengelirukan orang lain.

(Bersambung)

WALLAHU A'ALAM.

ADA-LAH sudah menjadi kewajiban kita orang2 Islam supaya bertaubat kepada Allah pada tiap2 masa, kerana tujuan taubat ia-lah untuk menyampaikan kepada berbuat ibadat yang sempurna sa-hingga membawa kita kepada di-kasehi Allah s.w.t. sa-bagaimana firman-Nya dalam surah Al-Baqarah ayat 222 yang bermaksud: *Bahawasa-nya Allah Ta'ala itu kaseh akan orang2 yang banyak bertaubat daripada segala dosa2-nya dan Allah Ta'ala juga kaseh akan orang2 yang berseh.*

Kita mesti-lah bertaubat kepada Allah, kerana kita yang hidup di-dunia ini ada-lah dalam keadaan lalai sa-hingga tidak menyedari bahawa yang kita kerjakan itu dosa dan maksiat, kerana perbuatan maksiat bukan-lah hanya yang dapat di-pandang dengan mata dan di-rasa sahaja, tetapi ada-lah menyeluruh, baik yang kecil apa-tah lagi dosa yang besar.

Chuba kita fikirkan, betapa-kah tidak penting-nya bertaubat, sedangkan Nabi Muhammad s.a.w. yang berseh dari segala2-nya lagi bertaubat, sa-bagaimana sabda-nya yang bererti: *Hai manusia bertaubat-lah kamu dan minta ampun-lah kepada Allah saya pun bertaubat sa-ratus kali dalam sehari.* Dan begitu pula Nabi Adam bertaubat kepada Tuhan bukan kerana dosa tetapi hanya terlupa akan perintah Allah. Dimana Nabi Adam memakan buah Khaldi yang dilarangan Allah dari memakan-nya.

Hakikat taubat yang sa-benar-nya sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Imam Al-Ghazali ia-lah meninggalkan dosa pada ketika itu, atau pun meninggalkan maksiat yang di-kerjakan itu dan berjanji akan tidak sekali2 mahu mengerjakan maksiat lagi dan berusaha membayar akan perkara yang wajib yang telah ditinggalkan pada masa yang lalu seperti sembahyang dan lain2 lagi, kerana Taubat dengan tidak men-chabut akar2-nya bukan-lah taubat yang sa-benar tetapi ada-lah taubat main2 ia-itu taubat pembohong, mithal-nya: dia bertaubat dari minum arak tetapi tak lama sa-lepas bertaubat dia mengerjakan lagi.

Bertaubat bukan hanya di-kerjakan sekali atau dua kali sahaja tetapi wajib di-lakukan pada tiap2 masa, kerana kita yang hidup di-dunia ini tidak sunyi dari dosa di-mana ada kala-nya di-buat oleh anggota kita yang di-katakan dosa dzahir seperti mata, tangan dan sa-



TAUBAT

bagai-nya. Dan ada kala-nya pula di-buat oleh anggota bathin ia-itu dosa dalam hati seperti lalai daripada mengingat Tuhan.

Chara yang boleh mendorong kita untuk bertaubat ada tiga perkara:

1. Mengingat di-dalam hati bahawa maksiat yang membawa kepada berdosa itu sangat burok dan keji.
2. Mengingat akan sakit-nya azab Allah Ta'ala ka-atas orang2 yang berbuat maksiat serta kemurkaan Allah yang amat sangat.
3. Mengingat di-dalam hati yang kita ini sangat lemah dan tidak berkuasa menang-gong akan seksa yang amat pedeh di-dalam akhirat kelak.

Sa-bagaimana yang di-katakan oleh ahli Sofi di-dalam sha'er mereka:

*Oh Tuhan-ku aku tak berhak masok Shorga
Tetapi aku pun tak kuat
untuk neraka*

Oleh itu terima-lah taubat-ku dan ampuni-lah dosa-ku

*Engkau oh Tuhan yang sanggup mengampuni
dosa bagaimana jua
besar-nya.*

Bertaubat-lah dari ke-kotoran yang sentiasa mengelilingi suasana kehidupan kita hari2 agar segala amal ibadat kita di-terima oleh Allah s.w.t., kerana taubat ada-lah untuk pem-bersehi jiwa.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 2hb Julai, 1980 hingga ka-hari Selasa 8hb Julai, 1980 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
2hb Julai	12.29	3.51	6.41	7.52	4.38	4.53	6.11	
3hb Julai	12.29	3.51	6.41	7.52	4.38	4.53	6.11	
4hb Julai	12.29	3.51	6.41	7.52	4.38	4.53	6.11	
5hb Julai	12.29	3.51	6.41	7.52	4.38	4.53	6.11	
6hb Julai	12.30	3.51	6.41	7.52	4.39	4.54	6.12	
7hb Julai	12.30	3.51	6.41	7.52	4.39	4.54	6.12	
8hb Julai	12.30	3.51	6.41	7.52	4.39	4.54	6.12	

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

MATALAMAT hidup sa-tiap individu muslim ada-lah untuk men-chari kebenaran dan menuntut keredhaan Allah s.w.t. Dalam men-chari (menyempurnakan) kebenaran dan menuntut keredhaan ini pula tidak ada perbedzaan di-antara sa-orang bapa dengan sa-orang anak, di-antara sa-orang ketua dengan raayat biasa; semua-nya ada-lah berhak bersuara dalam memper-katakan sa-suatu yang benar dan di-redhai oleh Allah itu.

Sa-benar-nya peranan sa-orang anak ada-lah penting dan mustahak di-dalam memberi kerjasama untuk

membentuk satu masharakat yang baik dan di-restui oleh Allah. Ia-itu menyeru kepada kenaikan dan membetulkan apa jua kesalahan dan kesilapan yang di-lakukan oleh ibu bapa kita. Bahkan wajib bagi sa-orang anak itu membimbing ibu bapanya ka-arrah memahami ajaran2 Islam dan chara melaksanakan-nya yang wajar.

Anak yang kita maksudkan di-sini ada-lah anak yang baik; yang berilmu pengetahuan dan beriman serta tahu menghormati orang itu.

Sa-hubungan dengan masaalah ini, Allah s.w.t. pernah mencheritakan kisah Nabi Ibrahim a.s. dengan bapa-nya yang tidak mahu menerima kebenaran yang di-bawa oleh anak-nya itu sa-bagaimana firman-Nya dalam Surah Maryam ayat 43 yang bermaksud lebeh kurang:

"Wahai bapa ku, sa-sungguh-nya telah datang kepada ku sa-bahagian ilmu pengetahuan yang tidak datang kepada mu, kerana itu ikuti-lah aku, neschaya aku akan menunjokkan kepada mu jalan yang lurus".

Maka ilmu pengetahuan yang di-korbankan oleh Allah kepada kita itu, bukan-lah sa-mata2 untuk di-gunakan bagi tujuan dan kepentingan diri sendiri; untuk merebut nilai

Men-chari kebenaran dan keredhaan Allah

tertentu dan pembayaran dari habuan dunia, tetapi ia-nya juga perlu untuk membantu dan memimpin ibu bapa, keluarga dan masharakat ka-arrah kebenaran dan keselamatan hidup di-dunia dan di-akhirat.

Bagi sa-orang bapa atau sa-orang ibu — mereka tentu-nya akan merasa bertuah dan beruntung jika suatu pengajaran dan seruan kebenaran itu datang-nya dari anak kandong mereka sendiri — yang telah mereka asoh dan di-beri perbelanjaan untuk belajar. Kerana mereka akan perchaya bahawa pengajaran atau tegoran2 'melurus' itu benar2 di-lahirkan dari sudut hati yang penoh ikhlas dan jujur.

Maka ada-lah satu kezaliman jika kita jenerasi hari ini yang mempunyai berbagai-bagai sijil dan surat akuan akademik, tapi maseh sampai hati membiarkan ibu bapa-nya hidup terumbang-ambing, sa-hingga ada di-antara mereka yang maseh berpegang kepada keperchayaan karut marut atau tidak indahkan tuntutan2 Uga-

ma Islam yang maha suchi itu.

Jadi, ada-lah lebeh bijak dan sesuai jika usaha2 (dakwah) pada menyelamatkan mereka (ibu bapa) itu datang-nya dari anak2-nya sendiri, kerana mereka itu lebeh hampir dan lebeh mengetahui kewibawaan keluarga-nya.

Dalam issue ini kita tidak-lah menafikan ada ibu bapa yang maseh tidak perchaya atau mengakui pada keidealan anak-nya, tapi mereka ini kita sifatkan terlalu kecil bilang-annya dan boleh di-perbaiki dengan saloran2 yang sehat.

Maka yakin-lah bahawa terdapat sa-bilangan besar ibu bapa yang maseh ter-nanti-nanti dan berdo'a siang dan malam — mu dah-mudahan akan lahir satu jenerasi muda yang berilmu pengetahuan dan beriman yang sentiasa berusaha dan bekerja untuk membimbing ibu bapa mereka, keluarga dan masharakat seluruh-nya (yang perlu dan memerlukan) kepada jalan kebenaran yang di-redhai Allah Ta'ala.

**Bingkisan
minggu
ini**

BARU2 ini beberapa orang bakal peniaga2 dan peniaga2 kecil yang terdiri daripada orang Melayu telah berjumpa dan berunding dengan saya tentang masalah2 perdagangan mereka masing2. Antara bakal peniaga2 serta peniaga2 Melayu itu ialah pemborong2 kepada Sharikat2 swasta yang terkenal di-negeri ini. Mereka telah menerangkan kepada saya dengan sesungguh-nya bagaimana mereka telah berkali2 menchoha masok tawaran2 Sharikat2 swasta yang terkenal di-negeri ini dan betapa kechewa mereka apabila tiap2 kali juga tawaran2 mereka itu di-tewaskan oleh orang2 bukan Melayu. Selepas melafazkan perkataan2 yang pada hakikatnya berupa kelohian jiwa yang perjuangan2nya selalu di-tewaskan mereka dengan marahnya mengambil kesimpulan bahawa memang sharikat2 swasta yang terkenal itu "melihat muka".

Walaupun saya menaruh simpati terhadap kedudukan peniaga2 itu saya sendiri telah menerangkan kepada mereka bahawa pada hakikatnya kita sikap "melihat muka" itu tidak lah dapat di-singkan daripada dunia perniagaan. Saya sedari bahawa penerangan yang saya berikan itu tidak pasti akan menjadikan saya sa-orang tokoh atau hero yang popular atau di-sanjongi tingginya oleh orang2 Melayu kita sendiri — apatah lagi di-kalangan mereka yang selalu di-tewaskan oleh orang2 bukan Melayu. Tetapi walau bagaimana pun saya, dengan hati yang jujur lagi ikhlas, berpegang tegoh bahawa hanya dengan ada-nya kesedaran sa-demikian dan penerimaan hakikat "melihat muka" di-bidang perniagaan sa-bagai kenyataan yang objective maka orang2 kita Melayu boleh mara kehidupan di-dalam usaha2 perniagaan mereka pada masa2 yang akan datang. Soal-nya sekarang apakah orang2 kita Melayu boleh usahakan pada mengatasi masalah sikap "melihat muka" itu yang pada hakikatnya

ORANG2 MELAYU PERLU DZAHIR KEUPAYAAN SA-BAGAI PENGUSAHA DAN PENIAGA

MINGGU lalu, Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Awang Selamat bin Munap dalam ucapan-nya merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Kedai Sharikat Kerjasama Persatuan Melayu Keriam (PESAKA) telah menimbulkan satu cherita betapa bakal peniaga2 Melayu atau peniaga2 Melayu menghadapi kekechewaan di-tewaskan oleh orang2 bukan Melayu.

Ucapan beliau itu sangat menarik untuk di-ikuti sa-chara sunggoh2 dan kerana itu, berikut ini di-siarkan ucapan beliau itu sa-penoh-nya.

Penyiaran ini juga ada-lah merupakan lanjutan dari berita yang kita siarkan minggu lepas berhubung dengan-nya yang mana ia-nya mungkin kurang jelas. Penyiaran ini juga di-hajatkan bagi mengelakkan salah pemahaman terhadap berita tersebut. — Pengarang.

ada-lah 'adat dunia perdagangan.

Jika di-pandang daripada kenyataan2 yang ada success atau kejayaan di-dalam perniagaan nampak-nya bergantungan kepada service (layanannya). Untuk memasoki atau memasoki sebarang pasaran — seperti memenangi tawaran2 dan lain2-nya — quality barang2 atau perkhidmatan2 hendak-lah sekurang2-nya sebanding dengan apa yang di-tawarkan oleh saingan2 peniaga bukan Melayu. Tetapi ini akan memerlukan capability2 atau keupayaan2 yang tertentu dan di-sini-lah masalah "melihat muka" itu akan timbul atau di-timbulkan oleh pihak2 yang berkenaan.

Capability2 atau keupayaan2 yang boleh menyirikan atau memasamkan muka peniaga2 Melayu di-segi pelanggan2 ia-lah di-aspek2 teknikal, kewangan dan pengurusan. Di-dalam berbagai2 bidang kebanyakan kita orang Melayu ada-lah agak kekurangan di-segi aspek2 itu.

Mithal-nya, di-dorong oleh

kemahuan dan chita2 yang besar untuk menjadi sa-orang tycoon atau millionaire kita menawarkan untuk membekalkan kapal kepada sa-buah Sharikat yang terkenal di-negeri ini. Tetapi sa-belum tawaran tersebut di-tolak dan sa-belum ia-nya mengechewakan kita — kita orang Melayu sendiri merasa bahawa kita ada-lah lebih berhak pada 'am-nya — ada-kah kita juga selalu memikirkan atau merenongkan bahawa mungkin keupayaan2 yang di-perluhi itu agak kekurangan pada kita?

Kita mungkin tidak menyedari akan kedudukan kita yang sebenar-nya tetapi kekurangan2 di-segi capability atau keupayaan2 kita itu pasti tidak akan dapat di-sembunyi-kan daripada pandangan mata pelanggan2 yang berkenaan, apatah lagi jika ada kemungkinan yang pelanggan2 itu akan menimba kerugian yang besar akibat daripada layanan yang tidak memuaskan yang di-sebabkan oleh capability2 atau keupayaan2 yang agak kekurangan. Di-dalam

konteks yang sa-demikian "melihat muka" bukan-lah perkara yang menghairankan.

Daripada apa yang saya huraikan tadi nyata-lah bahawa hanya dengan ada-nya capability2 atau keupayaan2 yang di-perluhi maka pelanggan2 terutama sekali di-bidang perdagangan yang berbesar2an — akan memaling muka mereka ka-arrah muka orang2 Melayu. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sikap bersatu padu dan tolong menolong di-antara sa-seorang peniaga Melayu dan yang lain hendak-lah di-galakkan oleh peniaga2 Melayu di-negeri ini. Selain daripada itu sifat suka bergaung2 hebat sesama sendiri sehingga bangsa sendiri runtuh akibat-nya harus-lah di-kurangkan. Pada pendapat saya maseh ada lagi bidang2 perniagaan yang tertentu di-negeri Brunei Darussalam ini yang belum lagi cukup di-masoki oleh orang2 Melayu. Tetapi kejayaan orang2 Melayu di-bidang2 itu antara lain akan bergantung kepada samada mereka dapat bersatu padu, tolong menolong

bolehkan mereka berusaha di-bidang yang tertentu. Walau bagaimana pun memandang kepada hakikat bahawa apa jua pun bantuan di-dunia ini sememang-nya-lah terhad jua ada-nya maka teresah-lah kepada peniaga2 dan bakal peniaga2 Melayu di-negeri ini untuk melipatgandakan faedah2 dan hasil2 bantuan yang ada sa-bagai mana juga sa-bahagian daripada peniaga2 bukan Melayu berjaya menjadikan kesukaran pahit awal yang mereka alami sa-bagai kejayaan yang indah dan manis yang sekarang mereka nekmati.

Untuk melipatgandakan faedah2 dan hasil2 daripada bantuan yang ada sesuai dengan hasrat dan chita2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sikap bersatu padu dan tolong menolong di-antara sa-seorang peniaga Melayu dan yang lain hendak-lah di-galakkan oleh peniaga2 Melayu di-negeri ini. Selain daripada itu sifat suka bergaung2 hebat sesama sendiri sehingga bangsa sendiri runtuh akibat-nya harus-lah di-kurangkan. Pada pendapat saya maseh ada lagi bidang2 perniagaan yang tertentu di-negeri Brunei Darussalam ini yang belum lagi cukup di-masoki oleh orang2 Melayu. Tetapi kejayaan orang2 Melayu di-bidang2 itu antara lain akan bergantung kepada samada mereka dapat bersatu padu, tolong menolong

sesama sendiri dan berhenti daripada menyengak leher masing2 dengan persaingan yang merugikan di-antara diri mereka sendiri.

Jika di-bandingkan dengan perpaduan, tolong menolong dan penyelarasan di-kalangan bangsa2 yang lain saya rasa bahawa peringkat dan mutu perpaduan, tolong menolong dan penyelarasan di-antara peniaga2 Melayu di-negeri ini ada-lah tidak memuaskan. Walau pun badan2 sudah ditubuhkan semata2 untuk memperkokohkan lagi perpaduan, tolong menolong dan penyelarasan di-antara peniaga2 Melayu di-negeri ini nampak-nya belum-lah lagi badan2 tersebut berjalan seperti yang di-hajati. Ini jauh berbeza sekali daripada sifat tradisi Melayu Brunei yang suka bermuchang-muchang yang mana sampai sekarang nyata terbokti di-dalam kegiatan2 dan upacara2 yang tertentu seperti majlis perkahwinan dan lain2-nya. Nampak-nya hanya di-segi perniagaan sahaja sifat bermuchang-muchang itu berkurangan di-kalangan peniaga2 Melayu.

Tetapi saya percaya bahawa orang2 Melayu ada-lah semakin sedar tentang kelemahan2 seperti ini di-kalangan mereka. Walau mutu kesedaran ini merupakan agak rendah di-kalangan peniaga2 perseorangan Melayu namun ia-nya semakin berpengaruh di-kalangan mereka yang ya-

Lihat muka 12

HENDAK TAHU NEGARA KITA? BERBAGAI BUKU BOLEH DI-BELI DARI BAHAGIAN PENERANGAN

BAHAGIAN Penerangan sekarang ini, telah menjual hampir 140 buah tajuk buku yang meliputi berbagai2 jenis. Di-antara buku2 yang sedang dalam jualan itu termasuk-lah Buku Laporan Tahunan, yang di-buat perche-takkan-nya dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Buku Laporan Tahunan ini berharga di-antara \$2.00 hingga \$23.00.

Buku Laporan Tahunan ini memuatkan berbagai2 kemajuan dalam negeri Brunei dari tahun ka-setahun, ia-itu kemajuan sosial dalam bidang Pelajaran, Perubatan, dan Kesihatan, kemajuan Kerjasama, Kebajikan Belia dan Sokan, Penchen2, Muzium, Dewan Bahasa dan Pustaka, Hal-Ehwal Ugama, Peranchang Ekonomi, dan Lembaga Kemajuan Ekonomi. Sa-lain dari itu ia-nya juga menyentoh tentang penghasilan, Buroh, Kewangan Negara dan Perchuk-kaian, Undang2 dan Keten-teraman, Perhubungan dan Pembekalan. Untuk menam-bah pegetahuan rakyat, ia-nya menceritakan serba sedikit sejarah ringkas Brunei, beserta dengan Perlembagaan dan Pentadbiran-nya.

Brunei dalam kurun ke-19, di-bekikan dengan berbagai nama dan terjemahan. Brunei lebeh banyak di-sebut sa-bagai Burne, Brunei, Bronei, dan akhir-nya Brunei. Sejarah ju-

oleh : AISAH PIEE

ga telah menunjukkan bahawa Brunei telah memainkan peranan utama dalam mengembangkan Ugama Islam.

Antara buku yang sedang dalam jualan di-sini ia-lah buku Sari Pembangunan yang mempunyai empat bilangan, Warta Kerajaan yang berharga lebeh kurang \$50.00 sa-naskah, Buku Undang2 Nege-ri Brunei, Buku Laporan Jabatan Buroh, Laporan Tahunan Jabatan Pelajaran, Laporan Banchi Jabatan Pertanian, Laporan Surohanjaya Pelajaran, dan lain2 lagi.

Sari Pembangunan 1 berharga \$2.00. Buku ini memuatkan cheramah2 yang di-sampaikan dalam Kursus Sivik Pelajaran2 Tingkatan Menengah yang di-mulakan sejak tahun 1974. Cheramah2 tersebut menyentoh tentang Adat Istiadat, Perlembagaan Negeri Brunei, Perkhidmatan Pulis, Askar Pengawal Keamanan, dan juga Majlis2 Mashuarat Negeri. Kemudian ia-nya di-susuli pula oleh Sari Pembangunan 2, yang memuatkan beberapa tajuk ia-itu Peranchangan Kemajuan dan Kemajuan Ekonomi Brunei, Kewangan Negara, Perniagaan, Sharikat Kerjasama, Bank, dan Perkhidmatan Penerangan. Sari Pembangunan 2 banyak mem-

berikan pengetahuan kepada penduduk2 Brunei, tentang bagaimana penggunaan kewangan negara di-selenggara-kan dan membentangkan aspek2 peranchangan kemajuan yang di-hajati2kan, dan membentangkan chara2 yang boleh mendatangkan faedah dalam menyelenggarakan urusan niaga. Dan sesuai dengan keadaan Brunei yang memba-ngun, kita berhadapan dengan beberapa perkhidmatan yang baru, ia-itu perkhidmatan Penerangan.

Kemudian Sari Pembangunan 3 menyusuli Sari Pembangunan 2 dengan memuatkan cheramah2 sivik anjoran Bahagian Penerangan. Buku ini di-hasratkan bagi menambahkan pembacaan di-samping sa-bagai satu alat yang mendukung ka-arrah pembangunan mental dengan mengutarakan berbagai2 tajuk. Buku ini berharga \$4.10. Sari Pembangunan 4, bernilai \$4.10 sa-naskah, mengandungi lapan belas buah tajuk. Tajuk2 ini di-pileh bukan saja menambahkan ilmu pengetahuan bahkan untuk memberikan gambaran yang jelas dan penting akan kemajuan2 yang telah, sedang dan akan di-laksanakan oleh Kerajaan mengikut proses Pembangunan Negara.

Buku Undang2 Negeri Brunei di-chetak dalam dua bahasa ia-itu Bahasa Melayu dan



SA-BAHAGIAN dari buku2 yang boleh di-beli dari Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

Inggeris. Buku ini mempunyai jilid pertama dan kedua. Untuk keamanan dan ketenteraman negeri, buku ini meliputi dan mendedahkan semua Undang2 di-dalam Negeri Brunei, di-mana masharakat Brunei semesti-nya tundok dan terikat pada Undang2 tersebut. Buku ini mengandungi Undang2 Peguam, Mahkamah, Mahkamah Besar, Lembaga Kemajuan Ekonomi, Undang2 Tanah, Kastam dan Bea, Buroh, Immigeresen, Undang2 Sharikat, Undang2 Nama Perniagaan, Tanda Perniagaan, Penyalah Gunaan Dadah, Undang2 Pasokan Pulis, Askar Melayu Diraja Brunei, dan Undang2 Majlis Ugama dan Mahkamah Kadhi, serta lain2 Undang2.

Sharikat Minyak Shell juga telah menerbitkan sa-buah buku yang berjudul 'Brunei — The Land And Its People'. Kandungan-nya mengesahkan sejarah Brunei, Pemerintahan Sultan Brunei ke-29 mengesahkan tentang Bumi Brunei serta penduduk2nya serta perusahaan Minyak dan gas yang berpusat di-Seria. Buku ini berharga \$30.00 sa-naskah di-chetak dalam warna-warni. Sa-lain dari itu buku ini juga menyentoh tentang seni bina di-Negeri Brunei, yang melibatkan pembinaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bangunan Lapau, bangunan Dewan Majlis tempat Majlis Mashuarat Negeri bersidang, serta pembinaan bangunan Radio dan Talivishen Brunei.

Di-dalam bidang ini juga di-muatkan keadaan penduduk2 Brunei, yang mana, sa-bahagian besar-nya terdiri dari orang2 Melayu Brunei. Bangsa yang bangga dengan lemah lembut dan peramah serta ta'at kepada ugama dan mempunyai kebudayaan yang di-jalin rapi oleh adat istiadat. Penduduk2 ini, berkeperchayaan, dan taat pada adat istiadat dan ugama. Ini menchermin-kan kepada sa-seorang pelawat betapa indah-nya Brunei dan orang2 di-dalam-nya.

Begitu-lah serba sedikit isi kandungan buku Brunei — The Land And Its People, yang di-buat perche-takkan-nya dalam dua bahasa ia-itu Bahasa Melayu dan Inggeris.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 2HB JUL

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 TARZAN, LORD OF THE JUNGLE
- 5.30 ANIMAL WORLD — "Space Monkey"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 KIDNAPPED
- 6.41 AZAN MAGHRIB
- 6.45 MORK AND MINDY — "A Morkville Horror"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TRAPPER JOHN M.D. — "Hot Line"
- 7.52 AZAN ISHA
- 7.56 TRAPPER JOHN M.D. — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 PARIS — "The Price Is Right"
Dengan ada-nya satu jawatan politik, Paris bersungguh2 dalam penyiasatan-nya terhadap penjahat2 yang meng-halau orang2 tua keluar dari rumah2 mereka yang menghala pantai.
- 9.40 TAYANGAN GAMBAR TV : "X, Y and Zee".
- 11.40 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 3HB JUL

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 A PLACE TO LIVE
- 6.20 MARI SEMBAHYANG
- 6.35 SPIDERMAN
- 6.41 AZAN MAGHRIB
- 6.45 SPIDERMAN — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 CENTENNIAL
- 7.52 AZAN ISHA
- 7.56 CENTENNIAL — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 HIDAYAT
- 9.00 DUNIA MINGGU INI
- 9.30 CORAL JUNGLE — "The Lost World of the Mangroves"
- 10.20 GARRISON'S GORILLAS — "The Plot of Kill"
The Gorillas mengeledah New York untuk menchari sa-orang tahanan yang melarikan diri.
- 11.10 PERLAWANAN GUSTI
- 12.00 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 4HB JUL

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 BAD NEWS BEARS
- 5.00 STAR MAIDENS — "Hideout"
Di-Bumi, Adam dan Shem sedang melarikan diri, menteri meyakinkan Fulvia bahawa mereka akan di-tawan semula, dan ia bersetuju untuk menukar-

- kan Rudi dan Liz dengan Adam dan Shem.
- 5.30 THE MUPPETS — "Dianne Cannon"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 CASPER AND THE ANGELS
- 6.26 MAGIC PALACE
- 6.41 AZAN MAGHRIB
- 6.45 DICK TURPIN

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 GENERATION GAME
- 7.52 AZAN ISHA
- 7.56 GENERATION GAME — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.25 PERADUAN MEMBACHA KORAN (Siaran Langsung)
- 11.00 SIARAN TAMAT.

SABTU - 5HB JUL

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 WACKY RACES
- 6.30 BEWITCHED — "Sam's Double Mother Trouble"
Esmeralda mengeluarkan kesah "Alice In Wonderland".
- 6.41 AZAN MAGHRIB
- 6.45 BEWITCHED — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 DALLAS — "Jenna's Return"
Kesulitan2 chinta semakin bertambah bagi keluarga Ewing.
- 7.52 AZAN ISHA
- 7.56 DALLAS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 PERADUAN MEMBACHA KORAN (Siaran Langsung)
- 11.00 SIARAN TAMAT.

AHAD - 6HB JUL

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "The King is Dead"
- 5.30 PLAYBOX
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 YOGI'S SPACE RACE — "Planet of the Monsters"
Di Planet of the Monsters, Cracula dan Space Mummy menggunakan kuasa2 seher angkasa mereka dalam satu chubaaan untuk merosakan pertan-dingan.
- 6.30 AUDUBON WILDLIFE THEATRE — "Land of Oriskany"
- 6.41 AZAN MAGHRIB
- 6.45 AUDUBON WILDLIFE THEATRE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE INCREDIBLE HULK — "Captive Night"

- 7.52 AZAN ISHA
- 7.56 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MEN'S SINGLES FINAL WIMBLEDON '80
- 10.40 TALES OF THE UNEXPECTED — "Lamb to the Slaughter"
- 11.30 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 7HB JUL

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 YOUNG PEOPLE'S SPECIALS
- 5.30 BIG BLUE MARBLE
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — "Gold is Where You Find It"
Dua orang penchari-gali yang maseh hijau menchari di-setiap pelusok hutan belantara dalam usaha mereka yang bersungguh2 untuk menchari emas.
- 6.41 AZAN MAGHRIB
- 6.45 GRIZZLY ADAMS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 CHARLIE'S ANGELS
- 7.52 AZAN ISHA
- 7.56 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 EISCHIED
- 9.40 LIVE AT THE FORUM
- 10.30 DANGER — "Unsung Heroes"
Brian Ash terpaksa menghadapi sa-biji bom yang terletak di-antara din-ding bangunan yang hangus.
- 11.10 SIARAN TAMAT.

SELASA - 8HB JUL

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 CASTAWAY — "The Rebels"
- 5.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Vacation on Venus"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 SHIRLEY — "Fenced In"
Shirley mendapati anak lelaki-nya, Hemm, sedang menjalani penghidupan jenayah.
- 6.41 AZAN MAGHRIB
- 6.48 SHIRLEY — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HAGEN
- 7.52 AZAN ISHA
- 7.56 HAGEN — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 BERBALAS PANTUN
- 8.55 DOKUMENTARI TEMPATAN : "Mukim Burong Pingai"
- 9.30 TAYANGAN GAMBAR : "Gunfight at the OK Coral"
- 11.45 SIARAN TAMAT.



MICHAEL Landon, sa-bagai Charles Ingalls pelakon utama di-dalam "The Little House on the Prairie" bersama Caroline (Karen Grassle).



SALAH satu adigan dari "QUINCY" dengan episod yang berjudul "A Small Circle of Friends". Kelihatan di-sini ia-lah Robert Ito (kiri) sa-bagai Sam, Jack Klugmah (tengah) sa-bagai Quincy, dan John Ragin sa-bagai Dr. Asten.



THE Belait District Officer, Pengiran Idris welcomes the n Radio Brunei called 'Belait At One' which will be broadcast on July 6th. The producer holding the microphone is Id closely with Andrew Pastouna of BFBS in Seria. Each w alternately and seek to discover the talent and cover t among Malays, Chinese and European in the Belait area.

Bintang Kechil Radio: 12 peserta di-pileh ka-Perengkat Akhir

BAHAGIAN Melayu Radio Brunei, telah mengadakan Peraduan Bintang Kechil Radio '80 perengkat separoh akhir sa-banyak dua siri. Siri pertama pada hari Jumaat, 20hb Jun 1980 dan siri kedua pada hari Ahad, 22hb Jun 1980. Kedua2 peraduan di-siarkan sa-chara langsung melalui perkhidmatan Bahagian Melayu Radio Brunei dari Dewan Raya RTB mulai jam 2.00 petang hingga 3.00 petang.

Siri pertama dan kedua di-wakili oleh 15 orang peserta. Daerah Brunei-Muara dan Temburong di-satukan untuk satu siri dan Daerah2 Belait dan Tutong siri kedua.

Di-bawah ini, ia-lah peserta2 yang berjaya untuk memasoki ka-perengkat sa-negeri yang akan di-adakan pada 23hb Ogos, 1980, bersempena Hari Raya Puasa.

Chalon2 yang terpilih ada-lah seperti berikut:—

1. Ak Zulrani Pg Haji Salim, Daerah Brunei-Muara
 2. Siti Zubaidah Haji Abdul Wahab, Daerah Brunei-Muara
 3. Lelawati POK Laila Wangsa Md Salleh, Daerah Brunei-Muara
 4. Dk Rafidah Pg Ibrahim, Daerah Brunei-Muara
 5. Ak Sofian Pg Anak Hashim, Daerah Brunei-Muara
 6. Dk Norleha Pg Mahari, Daerah Brunei-Muara
 7. Norisnani Mejenis, Daerah Belait
 8. Erwan Md Said, Daerah Tutong
 9. Ak Yunus Pg Damit, Daerah Belait
 10. Norashikin Ramli, Daerah Belait
 11. Ak Shahminan Pg Md Ali, Daerah Belait
 12. Hartinah Ramli, Daerah Belait.
- Peraduan Bintang Kechil Radio '80 ada-lah projek tahunan Perkhidmatan Bahagian Melayu Radio Brunei.



DUA orang bintang filem dan pelawak yang terkenal di-Malaysia, Singapura telah di-undang menjadi tetamu dalam ranchangan 'Tetamu Minggu Ini' di-Bahagian Melayu Radio Brunei.

Kelihatan dalam gambar, Ali Haji Aji, sedang menemuramah A.R. Badul dan S. Shamsuddin dalam ranchangan tersebut.

Ranchangan Tetamu Minggu Ini, di-siarkan tiap2 hari Selasa jam 1.00 tengah hari dan ulangan-nya tiap2 hari Khamis, jam 9.00 malam.



Dokumentari tempatan: Mukim Burong Pingai Ayer

SA-BUAH filem dokumentari RTB berjudul Mukim Burong Pingai Ayer akan dapat di-saksikan pada hari Selasa, 8hb Julai, 1980 mulai jam 8.30 malam.

Filem ini akan menggambarkan usaha2 penduduk2 Mukim tersebut ia-itu memperlihatkan kegiatan pekerjaan tangan kaum wanita seperti menaggok, mem-

buat kajang dan meng... Satu perubahan sional ia-itu 'Bakam' dapat di-saksikan n itu.

Penghulu Mukim F Ayer, Awang Haji Hashim (gambar kiri) menceritakan serba sec perkembangan Mukim



Siswazah Brunei minggu ini



MINGGU ini awda berpeluang lagi mengikuti cerita2 dan pengalaman2 dari sa-orang siswazah lepasan University Al-Azhar, Kaherah.

Beliau ia-lah Haji Abu Bakar bin Haji Tengah, Pegawai Agama Kanan di-Jabatan Hal Ehwal Agama yang lulus ijazah B.A. pada tahun 1970.

Ikuti-lah temuramah kami dengan beliau pada hari Ahad 6hb Julai jam 9.30 pagi dan ulangan-nya pada hari Rabu jam 7.30 malam.

Gambar atas kelihatan Awang Haji Abu Bakar sedang di-temuramah oleh Ali Haji Aji.

akan data



PERUBAHAN KA-ATAS DUA SIMPANG UNTUK KURANGKAN KESESAKAN LALU-LINTAS

BANDAR SERI BEGAWAN.— Sa-bagai langkah untuk mengurangkan kesesakan dan kesibokan lalu lintas jalan-ruaya di-ibu negeri, kerja2 mengubah suai ka-atas dua kawasan jalan-ruaya yang berasingan oleh Jabatan Kerja Raya Brunei telah pun selesai.

Jalan2 yang terlibat dalam rombakan tersebut ialah simpang antara Jalan Tutong dan Jalan Kumbang Pasang, berdekatan dengan rumah sakit umom di-sini dan antara simpang Jalan Sekolah dan Jalan Tasek.

Berikutan dengan pengubah-suaian yang di-lakukan di-simpang Jalan Tutong dan Kumbang Pasang itu, lalu lintas dari Bandar Seri Begawan ka-Kumbang Pasang, Berakas dan

Oleh: AK HIDUP

Muara kini menggunakan dua lorong. Mereka yang hendak terus menghala ka-Jalan Tutong akan hanya menggunakan satu lorong sahaja tanpa di-kawal oleh lampu isyarat lalu lintas.

Jalan Sumbiling yang dulu-nya di-gunakan bagi lalu lintas yang hendak menuju ka-Jalan Kumbang Pasang dan Jalan Tutong sekarang hanya-lah di-gunakan bagi lalu lintas yang hendak menuju ka-Jalan Tutong dan dengan itu lalu lintas hanya di-benarkan membelok ka-kiri.

Bagi lalu lintas yang menuju ka-Bandar Seri Begawan mereka boleh mengikut lorong sebelah kanan

jika hendak mengikuti Jalan Sultan atau mengikut lorong sebelah kiri untuk menuju ka-Jalan Kumbang Pasang.

Bagi memberikan kemudahan pengguna2 berjalan kaki di-Jalan Tutong, sebuah jejatas akan di-bena (seperti dalam rajah)

JALAN TASEK DAN JALAN SEKOLAH

Sementara itu bagi memudahkan perjalanan lalu lintas dari Jalan Berakas yang melalui Jalan Sekolah untuk terus menuju ka-Bandar Seri Begawan dan Jalan Kebangsaan, Jalan Sekolah kini telah pun dibentuk menjadi tiga lorong.

Lalu lintas yang hendak menghala ka-Bandar Seri Begawan ada-lah di-kehendaki mengikut samada lo-

rong kanan sekali atau lorong tengah yang kedua2-nya terus menghala ka-Jalan Tasek, Lorong Tengah ada-lah juga di-gunakan bagi lalu lintas yang hendak terus menghala ka-Bengkel Jabatan Kerja Raya.

Lorong kiri sekali ada-lah khas bagi lalu lintas yang hendak menuju ka-Jalan Kebangsaan atau untuk membelok ka-kiri mengikut Jalan Dato Marsal.

Sementara itu lorong sebelah kiri sekali di-sepanjang Jalan Tasek Lama ada-lah khas bagi lalu lintas yang datang dari Jalan Kebangsaan yang hendak ka-bandar atau untuk membelok masuk ka-simpang Jalan Tasek.

Rajah2 ini menunjukkan perubahan di-kedua2 buah kawasan tersebut.

Tiga pegawai AMDB di-naikkan pangkat

BERAKAS. — Tiga orang Pegawai dari Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, telah di-naikkan pangkat ka-Pemangku Kaptan mulai 28hb April, 1980 yang lalu.

Mereka ia-lah Lt Aluis bin Haji Suhaili dari Pusat Latihan, Lt Suhaili bin Abang dari Battalion Pertama, dan Lt Md Daud bin Haji Jamil dari Battalion Kedua.

Sementara itu tiga orang anggota Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas ka-Singapura Sabtu lalu, untuk mengikuti Kursus National Trade Certificate

Grade 3 Building Drafting, di-Ponggol Vocational Institute, 1024 Upper Serangoon Road, Singapura.

Mereka ia-lah 4957 Cpl Sekina bin Abdul Rahman dan 4772 Cpl Muzini bin Sherbini, kedua2-nya dari Garrison Engineer, dan 5749 Sld Mohd Said bin Matnor dari Combat Engineering Squadron.

Kursus telah bermula pada 30hb Jun lepas dan di-jangka akan berakhir pada bulan Julai ini.

15 orang siswazah hadhiri Kursus Pengenalan

GADONG. — Sa-ramai 15 orang siswazah yang baru berkhidmat dengan kerajaan telah mengikuti satu kursus pengenalan bertempat di-Yunit Latchan Jabatan Perjawatan di-sini.

Kursus sa-lama lima hari itu telah pun bermula Isnin kelmarin dan di-jangka berakhir Sabtu depan, 28hb Jun 80.

Kursus yang di-kendalikan oleh Pejabat Perjawatan itu ada-lah bertujuan untuk:—

- Mengenalkan kepada Siswazah2 yang baharu berkhidmat, struktur Kerajaan sa-chara 'am dan keadaan sa-keliling dalam mana struktur itu ada.
- Mengenalkan kepada mereka tentang peratoran2 dan amalan2 Kerajaan.
- Membayangkan kepada mereka mengenai dengan syarat2 perkhidmatan mere-

ka dan peranan mereka sa-bagai pegawai2 awam.

Semasa berkursus para peserta telah mengikuti lapapan tajok cheramah yang di-sampaikan oleh Pegawai2 kanan kerajaan.

Cheramah2 tersebut termasuklah Struktur Kerajaan, Perlembagaan dan Undang2 Negara, Kemajuan Ekonomi dan Sosial Negara, Peranan dan Tanggongjawab pegawai awam terhadap orang ramai, Perhubungan di-antara Kakitangan Kerajaan, Pentadbiran Kakitangan dan Kewangan, Syarat2 perkhidmatan, Perhubungan dengan orang ramai dan Prinsip2 Ugama sa-bagai chara hidup dan 'Adat Istiadat.

Sa-lain dari itu mereka juga mengikuti cheramah yang bertajok 'Ada-ka Pengurusan Kakitangan sesuai dengan Pertubuhan Awam' yang di-sampaikan oleh Pengurus Kakitangan Sharikat Minyak Shell Brunei, Mr M.J. Lavery.



PESERTA2 kursus sedang mendengar cheramah.

BAPPI sambut ulang tahun ke-10

BANDAR SERI BEGAWAN. — Badan Ugama Pelajar Islam (BAPPI) Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin akan mengadakan sambutan majlis sempena memperingati sa-puluh tahun tertuboh-nya badan tersebut pada 6hb Julai bertempat di-dewan maktab tersebut mulai jam 8.00 pagi.

Antara 'achara2 yang

akan di-persembahkan pada hari itu nanti termasuklah Bachaan Ayat2 Suchi Al-Kor'an; nashid; mendeklamasikan sajak; Zikir Asharakal dan lain2 lagi.

Kemunchak dari achara pada pagi itu ia-lah Pera-duan Kuiz Ugama yang hanya terbuka kepada kelas2 di-maktab tersebut.

Oleh yang demikian Setiausaha badan itu telah

meminta bekas ahli2 jawatankuasa tertinggi badan ini (ia-itu dari tahun 1970 hingga 1979) supaya akan dapat hadir ka-majlis itu.

Di-samping itu setiausaha badan juga mempersilakan pelajar2 dan penduduk2 di-sekitar maktab itu untuk hadir bagi menyerikan lagi majlis pada pagi itu.



4957 Cpl Sekina



4772 Cpl Muzini



5749 Sld Mohd Said

KERJAYA DALAM PASOKAN AMDB

ANGGOTA ANGKATAN LAUT

1. Menjalani latihan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji sa-banyak \$433.00 sa-bulan.
2. Di-tempatkan di-kapal2 Angkatan Laut Diraja apabila tamat latihan dengan menerima salah satu daripada dua tangga gaji bergantung kepada kelayakan :
'B' — \$473.00
'A' — \$490.00

Kedua-dua tangga gaji ini tidak termasuk elaun chatuan sa-banyak \$162.00 sa-bulan.

3. Di-Angkatan Laut juga mempunyai alat2 sistem senjata yang moden dan dari itu kemahiran dalam bidang letronik dan kejuruteraan untuk mengendalikan jentera2 laut amat-lah di-perlukan. Jika awang2 pemuda raayat Kebawah DYMM maka tenaga awang2 amat-lah di-perlukan untuk memenohi bidang ini. Ini hanya-lah merupakan salah satu daripada chawangan pekerjaan yang terdapat di-Angkatan Laut. Pembangunan yang pesat dalam pasokan ini ada-lah sa-mata2 bagi awang2 untuk mengendalikan-nya.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantung kepada kemampuan, kebolehan dan kelamaan dalam perkhidmatan.
5. Menerima elaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kepada anggota pasokan seperti elaun menyelam bagi penyelam2 di-dalam pasokan ini.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untuk menjadi pegawai bertauliah dalam pasokan ini.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun.



TENTERA BERJALAN KAKI

1. Menjalani latihan asas tentera 25 minggu dan menerima gaji penuh \$433.00.
2. Di-tempatkan di-kompeni2 dalam battalion apabila tamat latihan dengan gaji pokok \$473.00 tidak termasuk elaun chatuan \$162.00.
3. Di-berikan kursus2 tempatan dan luar negeri dalam bidang infantri mengikut kebolehan, kelamaan dan pangkat.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantung kepada kemampuan, kebolehan dan kelamaan perkhidmatan.
5. Menerima elaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan

kebajikan2 yang lazim di-berikan kepada anggota2 pasokan.

6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untuk menjadi pegawai yang bertauliah.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun.



Sa-banyak lapan Pusat2 Pengambilan akan diadakan di-ke-empat2 daerah seperti yang di-umumkan melalui radio dan talivishen. Latihan bagi pengambilan yang akan datang ia-lah pada 1hb September, 1980.

Datang-lah ka-alamat di-bawah untuk mendapatkan maklumat lanjut. Dan jika awang berminat isikan-lah borang yang di-sediakan dan hantarkan kepada :

PEJABAT PENGAMBILAN PASOKAN
ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI
BOLKIAH KEM,
BRUNEI

Talipon 30531 sambongan 01 atau 02.



Pertukangan Jurutera Ahli Bomba dan Pancharagam

SHARAT2 KEMASOKAN

1. Raayat Kebawah DYMM dan tergolong daripada salah satu dari tujuh puak jati Melayu: Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
2. Pemohon2 yang menjadi Warga-negara Brunei yang tidak tergolong kepada salah satu daripada tujuh puak jati Melayu yang beragama Islam dan mengamalkan adat resam

orang2 Melayu Brunei ada-lah berhak menjadi pemohon2 yang memenohi syarat2 kemasokan.

3. Bujang atau kahwin.
4. Berbadan sehat.
5. Berumur 17½-25 tahun.
6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 1 inchi.
7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun.
8. Sa-rendah2-nya Darjah Enam Melayu atau Primary Enam Inggeris. Kelulusan yang lebih tinggi ada-lah sangat di-alu-alukan.

ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI KERJAYA SA-BAGAI TENTERA BERJALAN KAKI/ANGGOTA ANGKATAN LAUT

Nama :

No. Kad Pengenalan : Warna :

Tarikh lahir : Tempat lahir :

Alamat :

Nama Warith :

Hubongan : No. Kad Pengenalan :

Alamat Warith :

Nama Sekolah :


Tingkatan :

Kelulusan :

Kerjaya yang di-pileh :

No. Talipon :

Tarikh : Tanda Tangan



BELAJAR DALAM PASOKAN ASKAR MUDA ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

KIRA-NYA awang sa-orang pelajar lelaki yang menduduki Peperiksaan BJCE 1980 dan awang yakin berjaya dalam peperiksaan itu, masok-lah belajar di-Chawangan Askar Muda, Askar Melayu Diraja Brunei. Chawangan ini digabungkan dengan pendidekan akademik dan teknikal dengan latihan tentera untuk melatoh awang buat menempohi chabaran hidup yang sentiasa berubah chepat. Awang memasoki sekolah untuk satu tempoh 2½-3 tahun sa-lepas itu awang akan berkhidmat dengan Pasokan AMDB pada satu tempoh 5 tahun, dalam pengajian yang telah di-latohkan kepada awang. Pada akhir perkhidmatan 5 tahun awang boleh memilih samada berhenti daripada perkhidmatan atau menyambung kerjaya dalam Pasokan AMDB. Di-Chawangan Askar Muda awang berpeluang melanjutkan pelajaran akademik hingga ka-peringkat 'O'. Kiranya berjaya dalam peperiksaan 'O' level awang mungkin di-pilih menjadi pegawai dalam Pasokan AMDB atau di-beri peluang belajar di-institusi pelajaran tinggi dengan biasiswa AMDB. Apa pun pilihan awang, awang akan menerima satu pengalaman yang berguna yang boleh membantu awang untuk menempohi chabaran yang akan datang.

Pelajaran akademik dan latihan tentera ada-lah di-beri seperti berikut :

- Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Ilmu Fizik, Ugamma Islam, Pelajaran Alam Sekeliling, akan di-ajar sehingga ka-peringkat 'O'.
- Latihan Vokeshenal akan di-jalankan dalam : Pertukangan Kayu, Pertukangan Besi, Pemeliharaan Kenderaan, Radio, bagi melayakan untuk latihan lanjutan.
- Menjalani latihan ketenteraan sehingga ka-peringkat soldadu terlatih untuk menanamkan disiplin diri, keperchayaan diri sendiri, kebolehan membuat kerja2 dan akhir sekali untuk memimpin.
- Chawangan Askar Muda juga menyediakan lain2 kemudahan seperti permainan dan sokan, lawatan2 serta latihan pengembaraan.
- Kegemaran2, sa-bahagian besar di-sediakan.

Chawangan Askar Muda menyediakan kemudahan alat2 dan kewangan untuk pelajar2 seperti berikut :

- Tempat tinggal dan makan perchuma sa-panjang masa pengajian.
- Buku2 teks dan buku tulis perchuma.
- Pakaian dan dhobi perchuma.
- Yuran2 peperiksaan ada-lah di-bayar.
- Wang saku sa-banyak \$50-\$60 sabulan. Elaun tambahan akan di-bayar kepada sa-siapa yang telah di-naikkan pangkat. Apabila meningkat umur 17½ tahun akan menerima gaji orang dewasa \$433.
- Kenderaan untuk balek ka-kampung perchuma masa chuti.

Berikut ada-lah sharat2 masok :

- Keputusan peperiksaan BJCE yang baik. Pemilihan pemohon ada-lah berdasarkan pada keputusan peperiksaan perchubuan yang di-sahkan oleh guru besar dan pemilihan akhir ada-lah bergantung kepada sokongan2 Lembaga Pemilih. Chalun2 yang terpilih di-jangka memasoki Chawangan Askar Muda, Pasokan AMDB dalam bulan Januari 1981.
- Chalun2 hendak-lah sa-orang raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.
- Chalun2 hendak-lah berumur di-antara 15-16 tahun pada 1hb Januari, 1981.
- Chalun2 hendak-lah sehat tuboh badan dan chenderong dalam sokan dan permainan dan telah mewakili sekurang2nya dalam mana2 satu permainan di-peringkat sekolah atau daerah.
- Mempunyai kebenaran ibubapa atau penjaga.
- Dan boleh meyakinkan Lembaga Pemilihan tentang kecherdasan, kebolehan dan sifat2 kepimpinan awang.
- Pemohon2 yang chenderong boleh-lah menulis terus kepada alamat berikut untuk mendapat maklumat lanjut atau hantar sahaja borang di-bawah ini kepada alamat berikut :

Pegawai Pengambilan Pasokan
Pusat Latihan, AMDB
Perkemahan Bolkiah
Brunei.

Talipon : 30531 Samb 01/02.



—Potong di-sini—

PASOKAN ASKAR MUDA ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

Nama :

No. Kad Pengenalan dan Warna :

Tarikh lahir/No. surat beranak :

Nama Sekolah :

Tingkatan Persekolahan 1980 :

Nama Bapa/Penjaga :

No. Kad Pengenalan dan Warna (Bapa/Penjaga) :

Alamat Rumah :

No. Talipon :

Tanda Tangan :

TARIKH TUTOP PADA 10HB JULAI, 1980



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolikah Muizuddin Waddaulah telah berkenan melantek Awang Haji Yaakob bin Haji Tengah sa-bagai Ketua Kampong Sungai Belukut di-Daerah Brunei dan Muara. Lantekan beliau bermula pada 1hb Jun yang lalu.

Surat lantekan kepada Ketua Kampong yang baru itu telah di-sampaikan oleh Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Omar bin Pengiran Sabtu di-satu majlis yang telah di-adakan di-Surau Kampong Serdang pada hari Jumaat 27hb Jun yang lalu. (Gambar atas).

Sharikat k-sama semakin bertambah

Dari muka 6

kin bahawa mereka tiada pilihan lain tetapi bermuchang-muchang untuk memperbaiki nasib hadapan mereka. Sapertimana yang kita semua maklomi bilangan sharikat2 kerjasama di-negeri ini ada-lah semakin bertambah dan kegiatan2 mereka semakin meluas. Sharikat Kerjasama mungkin tidak akan memberi kekayaan2 yang lumayan kepada ahli2-nya tetapi sekurang2-nya ia boleh menambah penyertaan orang2 Melayu di-dalam kegiatan2 ekonomi yang tertentu, selain daripada memperbaiki taraf

hidup ahli2-nya. Tetapi yang lebih penting lagi Sharikat Kerjasama boleh mengekalkan sifat bermuchang-muchang di-kalangan mereka yang tidak mempunyai capability2 atau keupayaan2 sechara perseorangan untuk berkecimpung di-dunia perniagaan. Dan jika di-luruskan dengan baik dan di-bantu pula sesungguh-nya oleh ahli2-nya boleh melipatgandakan keupayaan2 yang sedia ada pada-nya sehingga masalah "melihat muka" boleh diterima sa-bagai chabaran dan bukan rintangan kemajuan perniagaan orang2 Melayu kita.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 26hb Jun 1980.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. ASAM GELUGOR — \$4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Liong Yu Co.,
No. 58, Jalan Sultan.
2. LADA KERING — \$3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Ming Thai Company,
No. 32, Jalan Sultan.
3. BAWANG PUTEH (Puteh) — \$2.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Ming Thai Company,
No. 32, Jalan Sultan.
4. ASAM JAWA (Chap Singa) — 55 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut:—
Ming Thai Company,
No. 32, Jalan Sultan.
5. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Chin Seng,
No. 107, Jalan Chevalier.

SERIA

1. ASAM GELUGOR — \$4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- a) Hui Guan,
No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.
 - b) Yuan Ho Heng,
No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
 - c) Soon Kheng,
No. 50-B, Jalan Bunga Kemantin.
2. LADA KERING — \$3.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Siong Huat,
No. 1, Jalan Bunga Kemantin.
 3. BAWANG PUTEH (Puteh) — \$3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Yuan Hoe Heng,
No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
 4. ASAM JAWA (Chap Singa) — 55 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut:—
Siong Huat,
No. 1, Jalan Bunga Kemantin.
 5. UBI KENTANG — 85 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Yick Fatt,
Lot 2660, Jalan Sultan Omar Ali.

21 ORANG LAGI NAIK PANGKAT

BANDAR SERI BEGAWAN.

—Sa-ramai 21 orang lagi pegawai dari jabatan2 Kerajaan telah di-naikkan pangkat. Menurut senarai yang di-umumkan oleh Jabatan Perjawatan, pegawai2 yang di-naikkan pangkat itu termasuklah 9 orang dalam Bahagian III di-naikkan tangga-gaji; enam orang dalam Bahagian III di-naikkan ka-Bahagian II; empat orang dalam Bahagian IV di-naikkan ka-Bahagian III dan dua orang pegawai dalam Bahagian II di-naikkan tangga-gaji.

Dua orang Penerbit RTB, Awang Hanafi bin Haji Joffri dan Awang Abd Rahim bin Mat Walli telah di-naikkan pangkat sa-bagai Penerbit Kanan ia-itu jawatan dalam Bahagian II mulai 1hb Jun, 1980.

Empat orang lagi pegawai dalam Bahagian III di-naikkan pangkat ka-Bahagian II ia-lah Pengiran Zohari bin Pg Ahmad, Pendaftar Kenderaan di-Jabatan Kenderaan Darat di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Pengawal Pengangkutan Darat, Awang Angelito V. Belizario, Ketua Pembantu Teknik di-Jabatan Polis Diraja Brunei di-naikkan pangkat sa-bagai Jurutera Pemeliharaan di-jabatan yang sama, Awang Harun bin Haji Ismail, Penolong Pegawai Kemajuan Kerjasama di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Kemajuan Kerjasama. Kenaikan pangkat bagi ketiga2 orang pegawai itu bermula 1hb Jun, 1980 dan Awg Haji Tarif bin Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa Haji Mohammad, Pendaftar Sekolah2 Menengah — JHEU di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Perkembangan Ugama di-jabatan yang sama mulai 1hb Februari, 1980.

Dua orang pegawai dalam Bahagian II yang di-naikkan tangga-gaji ia-lah Awang Solomon Soo Boon Ann, Pegawai Pertanian — Jabatan Pertanian di-naikkan pangkat sa-bagai Pengurus Projek dan Awang Abd Hamid bin Rahmat, Pegawai Kemajuan Kerjasama di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama. Kenaikan pangkat kedua2 orang pegawai itu bermula 1hb Jun, 1980.

Empat orang Penolong Penerbit RTB telah di-naikkan pangkat sa-bagai Penerbit di-

jabatan yang sama mulai 1hb Jun, 1980. Mereka ia-lah Awang Mohd Hashim bin Haji Abd Rahman, Awang Haji Abd Rahman bin Haji Naim, Awang Tamin bin Haji Abdullah dan Dk Mariam bte Pg Ratna Wangsa Pg Haji Metussin.

Dua orang Guru Tingkatan Khas di-Jabatan Pelajaran di-naikkan pangkat sa-bagai Guru Melayu Terlatih Kanan mulai 1hb Jun, 1980. Mereka ia-lah Awang Haji A. Ahmad bin Husain dan Awang Besar bin Serudin.

Awang Noor Kaseh bin Awang Ahmad, Kerani Tingkatan II — Daerah Brunei-Muara di-naikkan pangkat sa-bagai Kerani Tingkat I mulai 1hb April, 1980.

Awang Mohindar Singh, Chief Machine Operation — Kelab Polo Diraja Brunei di-naikkan pangkat sa-bagai Ketua Pembantu Teknik mulai 1hb Januari, 1980.

Awang Md Jaya bin Haji Sikun (Suhaili), Pegawai Pe-

rangkan Rendah — SUK (Yunit Peranchang Ekonomi) di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Pegawai Peranchang di-jabatan yang sama mulai 1hb Jun, 1980.

Empat orang pegawai dalam Bahagian IV yang di-naikkan pangkat ka-Bahagian III ia-lah Ak Mohd Yusof bin Pg Puteh, yang di-naikkan pangkat sa-bagai Pembantu Pegawai Kanan Yang Mengetuai Lalu Lintas Udara mulai 1hb Januari, 1980. Awang Marsin Mohd Arad, Jurutayang/Pemandu — Ugama di-naikkan pangkat sa-bagai Jurutayang Kanan di-jabatan yang sama, Awang Matnoor bin Junit, Pengawas Masjid Tingkat II — Ugama di-naikkan pangkat sa-bagai Jurutayang Kanan di-jabatan yang sama dan Awang See Chee Kiat, Pegawai Rancangan Tingkat II di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Rancangan Tingkat I. Kenaikan pangkat bagi ketiga2 orang pegawai itu bermula pada 1hb Jun, 1980.

Peraduan bijak bercherita

BANDAR SERI BEGAWAN.—Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka akan menganjurkan peraduan bijak bercherita yang akan di-adakan pada awal bulan Ogos bertempat di-Bilik Bachaah DBP di-ibu negeri di-sini.

Peraduan tersebut terbuka kepada kanak-kanak di-seluruh negeri yang berumur di-antara lapan hingga 11 tahun. Peraduan itu di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu perengkat daerah dan perengkat negeri.

Borang2 serta butir2 lanjut mengenai dengan peraduan itu boleh di-dapati dari Perpustakaan Kanak-Kanak DBP, Brunei; Perpustakaan Chawangan Kuala Belait; Pekan Seria; Pekan Tutong dan Pekan Bangar, Temburong.

Borang2 yang telah di-

isikan hendaklah di-kembalikan kepada tempat2 yang berkenaan tidak lewat daripada hari Sabtu 12hb Julai, 1980 jam 3.00 petang.

Wakil Pos

ADA-LAH di-maalamkan untuk pengetahuan ramai bahawa mulai 1hb Julai 1980, Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei telah mengadakan sa-buah lagi Wakil Pos seperti berikut:

Haji Abd Rahman bin Bringin
No 11 B
Kampong Batang Perhantian
Limau Manis

Wakil Pos ini akan menjual setem2, surat2 udara ringan, buku2 kecil setem dan lain2. Wakil Pos ini juga menerima benda2 yang berdaftar untuk di-pos.

Kesemua penghantaran surat2 untuk kawasan2 tersebut di-atas akan di-buat melalui Wakil Pos Kampong tersebut.



SA-RAMAI 26 orang penuntut2 Pusat Tingkatan Enam, telah membuat satu lawatan ka-Jabatan Ukur petang Khamis lepas, 26hb Jun, 1980.

Penuntut2 tersebut telah di-beri penerangan mengenai dengan pentadbiran di-Jabatan tersebut dan tugas2 kakitangan2-nya oleh Pegawai Latchan Jabatan Ukur, Awang Mohd Taib Said (gambar atas).

Sa-lain dari itu, mereka juga mengikuti tunjuk chara oleh sa-orang Pegawai Ukur chara2 menggunakan Theodolite, rantai dan EDM D135, chara2 melukis peta Yunit Cartography, serta tunjuk chara mengenai plotting dari gambar foto oleh Yunit Photography.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 2hb hingga 8hb Julai 1980

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis	2.7.1980	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	2.7.1980	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	2.7.1980	Rabu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Ugama Sengkurong	5.7.1980	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas	5.7.1980	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	5.7.1980	Sabtu	4.30- 5.30 "
Kawasan Rumah Penghulu Mukim Serasa, Kampong Serasa	6.7.1980	Ahad	9.00-10.00 pagi
Kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara	6.7.1980	Ahad	10.15-11.15 "
Berhadapan Kedai, Pekan Muara	6.7.1980	Ahad	11.30-12.30 T/Hari
Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah)	7.7.1980	Isnin	2.00- 3.00 petang
Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan	7.7.1980	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	8.7.1980	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak	8.7.1980	Selasa	10.30-11.30 "



English programme on
Sundays start-
ing who will be working
present the programme
wide range of interest



AAC jayakan

ranchangan DSKS

RANCHANGAN Dari Sekolah Ka-Sekolah minggu ini akan di-isikan oleh penuntut2 Maktab Anthony Abell, Seria.

Gambar atas kelihatan penuntut2 maktab tersebut ketika membuat rakaman.

Ranchangan ini akan dapat awda ikuti siaran-nya pada tiap2 hari Sabtu jam 9.00 malam dan tiap2 hari Ahad jam 4.15 petang.

RANCHANGAN TVP

DARI 7HB HINGGA 12HB JULAI

ISNIN — 7HB JULAI

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 121
Ranchangan kali ini di-isikan dengan aktiviti2 seperti PETI SURAT, KERJA TANGAN, SI-MANIS, BOLA TUMBOK, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

Di-halaman PETI SURAT, Chegu Sa'diah akan membacakan surat2 yang telah di-kirimkan oleh kanak2.

Chegu Sa'diah akan membacakan sa-buah buku bertajok 'Si-Choklet dengan Si-Hitam'. Cerita ini mengisahkan tentang kisah sa-ekor kucing dengan sa-ekor anjing yang bermusoh2an.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 121.

SELASA — 8HB JULAI

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 122
MAIN KUDA, LIHAT dan PERHATI, PAK LONG, AMIN, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI ada-lah di-antara aktiviti2 yang akan dapat diikuti pada ranchangan kali ini.

Kanak2 akan BERMAIN KUDA dan ber-lakon sambil bernyanyi bersama2 Chegu Sa'diah.

Di-HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah membacakan sa-buah buku yang bertajok 'Rambut'.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 122.

RABU — 9HB JULAI

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 123
Di-ranchangan kali ini Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 seperti BERSENAH, TUNJOK BENDA, KATA SI-MANIS, AMIN, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

Di-ruangan KATA SI-MANIS, kanak2 di-kehendaki membuat sa-satu apa yang di-perentahkan oleh Si-Manis.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 123.

KHAMIS — 10HB JULAI

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 124
Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 seperti MAIN MUSIK, KAJIAN SA-MULA JADI, MAIN BAKUL, BELON SI-MANIS, GAMBAR DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI di-dalam ranchangan kali ini.

Di-ruangan KAJIAN SA-MULA JADI, Chegu Sa'diah akan melihatkan kanak2 sa-ekor ikan dan mengajar dan menun-jukkan bahagian2 ikan seperti, ekor, mata dan lain2.

Chegu Sa'diah akan melihatkan gam-bar2 yang telah di-kirimkan oleh kanak2 dan Chegu Sa'diah juga akan menyey-but nama2 pengirim-nya.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 124.

SABTU — 12HB JULAI

PAGI

4.30 KAP KAP UDANG 125.
IKUT KETUA, YANG MANA GAN-JIL, AMINAH, MAIN KERUSI, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI ada-lah aktiviti2 yang akan dapat diikuti pada ranchangan kali ini. Di-ruangan IKUT KETUA, kanak2 akan menjadi ketua bergilir2 dan akan membuat sa-satu mengikut kehendak mereka. Kanak2 yang lain ikut di-belakang.

Chegu Sa'diah bercherita tentang kisah Nani dengan sa-ekor itek-nya.

PERHATIAN2: Ranchangan [Kap Kap Udang tidak akan di-pancharkan pada sebelah pagi mulai dari 12hb Julai, 1980 kerana chuti sekolah. Ranchangan ini akan di-pancharkan sa-mula di-sebelah pagi pada 20hb Ogos, 1980.



na2 penderma anak2 yatim

Penderma Lagu2 Permintaan Anak2
di-siarkan oleh Bahagian Melayu
siaran 22hb Jun, 1980.

Sakiah Pg Mat Salleh	\$25.00
Amma Allah	\$20.00
Penuntut2 Tingkatan IV	
Arab Menengah	
Pempuan Raja Isteri	
Anak Damit	\$13.20
Mohd Ali	\$10.00
Haji Jaafar	\$10.00
Al Mohammad	
Pg Mohammad	\$ 5.00
Haji Ibrahim	\$ 5.00
A	\$ 5.00
Basri	\$ 5.00
Rakawi Pg Haji Besar	\$ 5.00
Basri	\$ 5.00
Mat Tuah	\$ 5.00
Bahren Taweh	\$ 4.00
Hawaty	\$ 4.00
Suriyati dan	
Hakim	\$ 3.00
Haji Ahmad	\$ 3.00
Lin	\$ 3.00
Awang Besar	\$ 3.00
Zainab Pg Haji Tuah	\$ 2.00
Bungsu	\$ 2.00
Haji Ibrahim	\$ 2.00
Tuah	\$ 2.00
Maslemy Abdullah	\$ 2.00
Haji Buang	\$ 2.00
Rajah	\$ 2.00
Bakar Mustapha	\$ 2.00
Haji Ibrahim	\$ 1.00
Ramlan	\$ 1.00

Penderma lagu2 permintaan anak2 yatim
lagi di-keuaran Pelita Brunei akan



PENYANYI HARAPAN, yang tertera gambar-nya ini, ia-lah Normah Tali, sa-orang pelajar di-P.T.E. Di-samping bergiat di-mata2 pelajaran untuk bakal di-masa akan datang, ia-nya juga bergiat di-lapangan seni suara.

Normah memberitahu, lapangan seni suara ada-lah sa-bagai pengisi masa di-masa lapang. Ranchangan Penyanyi Harapan, di-siarkan tiap2 hari Rabu jam 1.00 tengah hari, dan ulang-nya Isnin jam 7.00 malam.

Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Bengkel Radio (SU); 8.30—Permintaan Pagi Rabu; 9.30—Lagu dan Senikata; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Surat dari London; 10.30—Autograph Pendengar; 11.00—Teman Mekar; 11.30—Bingkisan Tanah Ayer—Azan Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Penyanyi Harapan; 1.30—Menjelang Rehat. PETANG: 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Untuk Belia; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung Asli; 6.00—Mukaddam, Azan Bingkisan Hari ini/Menunaikan Sembahyang. MALAM: 7.00—Seiring Jalan; 7.30—Siswazah Brunei (SU); 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Permintaan Sukaramai; 9.30—Salam Mesra (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.25—Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Rampai London; 8.15—Hiboran; 8.30—Melody Adek Ku (SU); 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30—Rampai Sari Hiboran (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Selingan 10.30—Permintaan Sukaramai; 11.30—Sinar Chahaya. T/HARI: 12.00—Lagu2 Melayu Asli, Azan Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Chitrawara; 1.30—Mari Menyanyi; 1.45—Menjelang Rehat. PETANG: 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Majallah Ugama/Petikan Soal Jawab Ugama; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Tafsir Al-Koran; 6.15—Mukaddam, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM: 7.00—Permainan Gambus; 7.30—Bimbingan Al-Koran, Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Sandi-wara Radio (SU); 9.00—Hidayat; 9.30—Tetamu Minggu ini (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20—Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

JUMAAT

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Pertanian dan Perikanan; 8.30—Mari Menyanyi (SU); 8.45—Selingan Irama; 9.00—Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30—Tafsir Al-Koran (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Soalan Di-Udara; 10.30—

